

BANDAR RAYA



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MBSJ 2024 MERIAH,

RAIKAN DEDIKASI WARGA KERJA

m/s 20



MBSJ UNGGULI MIPPEA 2024 DENGAN 7 ANUGERAH

m/s 3

SUBANG JAYA HALF MARATHON 2025:

15 PENAJA UTAMA BERSAMA MENJAYAKAN ACARA BERPRESTIJ!

m/s 38



MBSJ UNGGUL DALAM ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2024

m/s 5



Imbas
Kod QR
untuk mengakses
Buletin Bandar Raya
dalam talian



ISI KANDUNGAN

MBSJ UNGGULI MIPPEA 2024 DENGAN TUJUH ANUGERAH.....	3
MBSJ RAIH PENGIKTIRAFAN CEMERLANG DALAM PENGURUSAN KOLAM RENANG AWAM.....	4
MBSJ TERIMA SIJIL PENGHARGAAN PERKESO.....	4
MBSJ UNGGUL DALAM ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2024.....	5
KARNIVAL PERKAMPUNGAN KEBUDAYAAN SELANGOR 2025 MERIAH, WARISAN TERUS DIJULANG!.....	5
KOMITED MEREALISASIKAN AMANAT 2025, MEMACU KEMAKMURAN NEGERI.....	6
AMANAT 2025: YB MENTERI KPPT SERU SEMANGAT GREATER HEIGHTS.....	6
AMANAT TAHUN BAHARU MB SELANGOR SUNTIK SEMANGAT PENJAWAT AWAM!.....	7
PENGUKUHAN JENTERA PENTADBIRAN MBSJ MELALUI PROGRAM PENEMPATAN SILANG NEGERI SELANGOR.....	7
MBSJ PERKUKUH PERANCANGAN KEWANGAN & STRATEGI BANDAR PINTAR.....	8
MBSJ KONGSI RAHSIA TADBIR URUS CEMERLANG DI SEMINAR CIBI.....	8
PROGRAM ZIARAH KASIH MBSJ RINGKANKAN BEBAN KELUARGA SEMPENA TAHUN BARU CINA.....	9
300 HAMPER UNTUK GOLONGAN B40 SEMPENA TAHUN BARU CINA!.....	9
MBSJ JALIN KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA SELANGORM.....	10
UPLATS DIGITAL BANTU USAHAWAN MIKRO KUASAI PERNIAGAAN DIGITAL.....	10
BERGANDING BAHU! MBSJ FOKUS NAIK TARAF SJVCC & LAMAN WEB.....	10
PROGRAM WACANA EKSEKUTIF: MBSJ SANTUNI PERKONGSIAN ILMU BERSAMA YBHG. TAN SRI ACRYL SANI.....	11
PROGRAM TAHLIL DAN GOTONG-ROYONG USJ 22: ERAT SILATURAHIM, PELIHARA KELESTARIAN TANAH PERKUBURAN.....	11
KEBERANGKATAN DYMM SULTAN SELANGOR SERIKAN MAJLIS TILAWAH & HAFAZAN AL-QURAN NEGERI SELANGOR 2025.....	12
SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2025 NEGERI SELANGOR MERIAH.....	12
1500 PENGUNJUNG MERIAHKAN MAJLIS SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2025.....	13
KARNIVAL SERDANG BAHAGIA 2025: MERIAH DENGAN PELANCARAN PELANCONGAN SERDANG!.....	13
LAWATAN ISTIMEWA PERDANA MENTERI KE PUCHONG: SANTAPAN BERSAMA RAKYAT & SOLAT JUMAAT DI MASJID AS-SALAM.....	14
MAJLIS ANUGERAH JASAMU DIKENANG 2025: PENGHARGAAN BUAT KETUA JABATAN NEGERI SELANGOR.....	14
TRANSFORMASI PASAR AWAM SKIO DIPERHEBAT DENGAN 10 REKA BENTUK TERBAIK.....	15
PASAR AWAM SERI KEMBANGAN BAHARU: REKABENTUK PILIHAN RAKYAT, WARISAN MODEN KOMUNITI.....	15
43 WARGA MBSJ SERTA PROGRAM PEMENTORAN, PERKASA BUDAYA KERJA CEMERLANG.....	16
TRANSFORMASI MINDA MBSJ 2025: MELANGKAH KE ARAH PERKHIDMATAN CEMERLANG.....	16
MBSJ PERKASA KESEDARAN PERSEKITARAN KERJA BEBAS DADAH.....	17
MBSJ PERANGI DADAH! TEKAD PERKUKUH KESEDARAN DI TEMPAT KERJA.....	17



BIJAK URUS CUKAI: WARGA MBSJ DALAM STRATEGI PENJIMATAN BERSAMA LHDN.....	18
MPP ZON 4 DINOBATKAN MPP MBSJ TERBAIK KESELURUHAN 2024.....	19
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MBSJ 2024 MERIAH, RAIKAN DEDIKASI WARGA KERJA.....	20
WARNA-WARNI KOMUNITI.....	23
MPAJ PELAJARI TEKNOLOGI KITAR SEMULA SISA KELAPA.....	24
MBSJ JADI RUJUKAN! MBI & MBKT TIMBA ILMU MENGENAI PEMBANGUNAN BANDAR.....	24
MBSJ & MBSA PERKASA PERKONGSIAN STRATEGI PENGURUSAN BANDARAYA.....	25
MBSJ-DBKL PERKASA INTEGRITI!.....	25
MBSJ TERIMA LAWATAN PENANDAARASAN DARI INSPEN.....	26
MBSJ & MBMB PERKUKUH KERJASAMA MELALUI LAWATAN PENANDAARASAN.....	26
PERKONGSIAN ILMU: LAWATAN PENANDAARASAN KEBUN KOMUNITI MPAJ KE MBSJ.....	27
MBSJ PERKASA KEBUN KOMUNITI STRATA MELALUI KURSUS PERTANIAN BANDAR 2025.....	27
CABUTAN UNDI BAZAR RAMADAN MBSJ: TELUS, ADIL & SISTEMATIK!.....	28
KARNIVAL & TAKLIMAT BAZAR RAMADAN MBSJ 2025 MERIAH, PERSIAPAN RAPI MENJELANG RAMADAN.....	28
TRANSFORMASI RAMADAN DI PUNCAK JALIL: BAZAR LEBIH DIGITAL, HIJAU & TERATUR.....	28
1000 HADIRI IFTAR PERDANA ANJURAN MASJID AL-FALAH DENGAN KERJASAMA MBSJ.....	29
KEHANGATAN RAMADAN: BUBUR LAMBUK MAGGI RAIKAN WARGA KERJA MBSJ.....	29
ZIARAH KASIH RAMADAN: MENYANTUNI & MEMBAWA SENYUMAN DI BULAN MULIA.....	29
REVOLUSI HIJAU SEKOLAH MBSJ: USAHA BERANI KE ARAH KELESTARIAN.....	30
DARI TANAH TERBIAR KE TAMAN KEHIDUPAN: MBSJ BUKA RUANG HIJAU UNTUK KOMUNITI.....	30
SEMINAR MY-STAR PERKASA PENGURUSAN STRATA TANGANI ISU KACAU GANGGU HAIWAN.....	31

MPP DAN KOMUNITI BERDAYA MBSJ 2025: PEMERKASAAN PERANAN DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI LEBIH INKLUSIF.....	31
MBSJ PERKASA KESEDARAN KESIHATAN: DIDIK KANAK-KANAK & PENGASUH TENTANG KEBERSIHAN!.....	32
MBSJ ANJUR PROGRAM DERMA DARAH: KOMUNITI BERSATU SELAMATKAN NYAWA!.....	32
PEKA B40: KOMUNITI LEBIH SIHAT, KEHIDUPAN LEBIH SEJAHTERA.....	33
MBSJ GALAK GAYA HIDUP SIHAT DALAM KALANGAN WARGA KERJA.....	33
MBSJ KONGSI ILMU PENGURUSAN BENCANA MELALUI PENDEKATAN CBDRM.....	33
SKUAD PANTAS MBSJ DAN MPKL PERKASA KECEKAPAN OPERASI MENYELAMAT MELALUI LATIHAN SIMULASI.....	34
USAHA PEMULIHAN SEGERA OLEH PASUKAN PANTAS.....	34
MBSJ BERTINDAK SEGERA TANGANI INSIDEN POKOK TUMBANG AKIBAT RIBUT.....	34
OPERASI BERSEPADU: MBSJ DAN IMIGRESEN GEMPUR PENIAGA WARGA ASING DI BAZAR RAMADAN.....	35
MBSJ GEMPUR PENJAJA TANPA LESEN DI HADAPAN SEKOLAH, PERALATAN DAN BARANGAN DISITA.....	35
HTKSJ 2025 GEGAR ZON SERDANG: LEBIH MERIAH, LEBIH HIJAU!.....	36
PENGURUSAN TERTINGGI SUNTIK SEMANGAT! KNIGHTS BERSEDA GEMPUR!.....	37
MBSJ FC & HONG KONG BERENTAP DALAM AKSI FUTSAL PERSAHABATAN.....	37
SUBANG JAYA HALF MARATHON 2025: 15 PENAJA UTAMA BERSAMA MENJAYAKAN ACARA BERPRESTI!.....	38
SUBANG JAYA HALF MARATHON 2025 TARIK LEBIH 3,000 PESERTA MERIAHKAN LARIAN.....	38
PICKLEBALL ERATKAN UKHUWAH ANTARA MBSJ DAN BANK ISLAM MALAYSIA.....	39
KARNIVAL SUKAN RAKYAT ZON 9 MBSJ MERIAH, ERATKAN PERPADUAN KOMUNITI.....	39



SIDANG REDAKSI

PENAUANG:

Dato' Amirul Aziz bin Dato' Sri Abd. Rahim, D.I.M.P.
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

PENASIHAT:

Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali,
S.M.S., A.M.N.
Timbalan Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

KETUA EDITOR:

Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

EDITOR:

Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Sabrina binti Samsudin
Puan Hasriani binti Saud

PEREKA GRAFIK:

Encik Muhammad Shahrhan Hanief
bin Shaharolzaman
Puan Siti Marlina binti Chek Long
Encik Khairul bin Rosli

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus bin Khazali
Encik Mohd Fazli bin Osman

EDARAN BULETIN:

Puan Noraishah binti Abdullah
Encik Mohd Fazly bin Naiman



MBSJ UNGGULI MIPPEA 2024 DENGAN 7 ANUGERAH



MBSJ mencipta sejarah apabila berjaya merangkul tujuh anugerah berprestij dalam Malaysian Institute of Planners Planning Excellence Awards 2024 (MIPPEA2024). Pengiktirafan ini telah disampaikan kepada YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ dalam majlis anjuran Malaysian Institute of Planners (MIP) yang berlangsung di The Majestic Hotel, Kuala Lumpur.

Berikut adalah pencapaian membanggakan MBSJ di MIPPEA 2024:

GOLD

- 1. PLACEMAKING AND PUBLIC SPACE AWARD (GOVERNMENT INITIATIVE)**
The Roundabout @ Putra Heights
- 2. SMART CITY AWARD (SMART SYSTEM / PRODUCT)**
Smart C-Box

SILVER

- 1. DESIGN EXCELLENCE AWARD (MASTERPLANNED DEVELOPMENT) MEDIUM SCALE (50 TO 249 ACRES)**
The Glades Development in Putra Heights (kerjasama Sime Darby Properties)
- 2. COMMUNITY-BASED PLANNING AWARD**
Modul Pembangunan Komuniti Berdaya Pangsapuri & Kampung Angkat MBSJ

BRONZE

- 1. PLANNING SERVICE EXCELLENCE AWARD**
Sistem Pemantauan Aras Air
- 2. DESIGN EXCELLENCE AWARD (MICRO SCALE DEVELOPMENT) COMPACT STRATA DEVELOPMENT (BELOW 20 ACRES)**
Sunway GEOLake Residences in Bandar Sunway (kerjasama Sunway Properties)



ANUGERAH KHAS

- 1. SMART CITY AWARD (SMART SYSTEM/ PRODUCT)**
I-Data

Kejayaan ini membuktikan komitmen MBSJ dalam membangunkan bandar raya yang inovatif, mampan dan mesra komuniti. Semoga Subang Jaya terus unggul sebagai bandar pintar dan progresif di masa hadapan!



MBSJ RAIH PENGIKTIRAFAN CEMERLANG DALAM PENGURUSAN KOLAM RENANG AWAM



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) meneruskan legasi kecemerlangannya apabila menerima pengiktirafan atas pencapaian cemerlang dalam pematuhan Garis Panduan Pengurusan dan Penyelenggaraan Kolam Renang Awam bagi Pihak Berkuasa Tempatan (KPKT) Tahun 2024. Pengiktirafan ini diberikan berdasarkan penilaian di kolam renang Kompleks 3K Subang Jaya, yang telah memenuhi standard pengurusan dan penyelenggaraan yang tinggi.

Sebagai tanda penghargaan atas kecemerlangan tersebut, satu sesi penyampaian sijil kepada semua PBT yang terlibat telah diadakan pada 4 Februari 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Akuamarin, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Putrajaya.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Tuan Ar. Zuhairi bin Manaf, Timbalan Ketua Pengarah

(Perundingan dan Perundangan) diiringi oleh Tn. Mohamed Yazid bin Kuman, Pengarah Bahagian Perunding Kejuruteraan Kesihatan Umum. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh, Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat telah mewakili MBSJ bagi menerima pengiktirafan tersebut.

Pencapaian ini mencerminkan komitmen MBSJ dalam memastikan kemudahan awam dikendalikan dengan baik, selamat dan memenuhi keperluan komuniti setempat. MBSJ akan terus mengekalkan kecemerlangan ini dan meningkatkan mutu perkhidmatan demi kesejahteraan serta keselesaan pengguna.

Selain MBSJ, sebanyak lima Pihak Berkuasa Tempatan lain turut menerima pengiktirafan tersebut iaitu Majlis Bandaraya Alor Setar, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Perbandaran Bentong dan Majlis Perbandaran Kulim.

MBSJ TERIMA SIJIL PENGHARGAAN PERKESO



Dalam usaha memperkukuh kerjasama strategik berkaitan perlindungan sosial dan kebijakan pekerja, MBSJ menerima kunjungan hormat daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di Ibu Pejabat MBSJ pada 16 Januari 2025.

Sebagai tanda penghargaan atas sumbangan dan komitmen berterusan dalam memastikan kesejahteraan pekerja, PERKESO telah menyampaikan Sijil Penghargaan kepada MBSJ menerusi Program Kolaboratif Bersama bagi Caruman Skim Pekerjaan Sendiri (SPS).

Kerjasama ini bukan sahaja mengiktiraf usaha yang telah dilaksanakan, tetapi juga menjadi pemangkin kepada lebih banyak inisiatif yang memberi manfaat kepada komuniti pekerja di



Majlis Bandaraya Subang Jaya. Inisiatif sebegini diharap dapat memperluaskan akses kepada perlindungan sosial dan memastikan kesejahteraan tenaga kerja terus terjamin.





MBSJ UNGGUL DALAM ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2024



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) terus mengukuhkan usahanya dalam pembangunan lestari apabila berjaya meraih enam anugerah dalam Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon (LCC2030) 2024 pada 26 Februari 2025 bertempat di Sofitel Hotel, Damansara. Pengiktirafan ini membuktikan komitmen MBSJ dalam mengurangkan jejak karbon serta menjadikan bandaraya ini lebih mesra alam dan mampan.

Antara pencapaian yang diraih termasuk pengiktirafan Diamond bagi Bandar Sunway dalam

kategori zon. Selain itu, beberapa lokasi di bawah pentadbiran MBSJ turut menerima penghargaan dalam kategori rakan kongsi, termasuk Perpustakaan Hipermedia, Kompleks 3K Serdang Raya dan Ibu Pejabat MBSJ yang menerima pengiktirafan Diamond. Kompleks 3K Subang Jaya dan Kompleks 3C Subang Jaya pula dianugerahkan pensijilan Provisional sebagai tanda komitmen berterusan terhadap kelestarian bandar.

Anugerah berprestij ini telah disampaikan oleh YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES),

dan diterima oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ.

Pencapaian ini membuktikan bahawa MBSJ terus unggul dalam inisiatif bandar rendah karbon, sekali gus menyokong matlamat pembangunan mampan (SDG). Kejayaan ini bukan hanya satu pengiktirafan tetapi juga dorongan untuk terus memperkukuh usaha menjadikan Subang Jaya sebagai bandar yang kondusif, lestari, dan berdaya maju di masa hadapan.

KARNIVAL PERKAMPUNGAN KEBUDAYAAN SELANGOR 2025 MERIAH, WARISAN TERUS DIJULANG!



Program Perkampungan Kebudayaan Selangor 2025 yang berlangsung dari 22 hingga 26 Januari 2025 di Dataran Kemerdekaan Shah Alam telah melabuhkan tirainya dengan sambutan yang luar biasa.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, bersama YB Datuk Borhan bin Aman Shah,

Exco Perumahan dan Kebudayaan Selangor. Turut serta, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Sepanjang lima hari penganjuran, program ini berjaya mengangkat seni dan warisan Selangor dengan pelbagai aktiviti menarik seperti persembahan kebudayaan, demonstrasi kraf tangan tradisional, pameran seni warisan, serta hidangan makanan tempatan yang mendapat sambutan hebat daripada pengunjung.

Karnival juga turut diserikan dengan pertandingan permainan tradisional seperti gasing pangkah, tali getah, dam gergasi, congkak, batu Seremban dan terompah gergasi



KOMITED MEREALISASIKAN AMANAT 2025, MEMACU KEMAKMURAN NEGERI



Pada 3 Januari 2025 bertempat di Dewan De' Seri Endon, PUSPANITAPURI, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim telah menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2025 kepada seluruh penjawat awam dalam Majlis Perjumpaan YAB Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri.

Majlis ini dihadiri 1,000 orang secara fizikal manakala lebih 10,000 orang menyaksikan secara dalam talian yang merangkumi setiap 27 Kementerian, 13 Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Pembangunan ICU Negeri serta Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah dan Sarawak.

Warga pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah berhimpun di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi mendengar serta meneliti dan menghayati Amanat Tahun Baharu 2025 yang disampaikan oleh beliau. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ turut hadir bagi mendengar amanat yang disampaikan.

Dalam ucapannya, YAB Perdana Menteri merakamkan penghargaan kepada semua penjawat awam yang telah berjaya mempertahankan prestasi



yang membanggakan sepanjang tahun lalu serta menegaskan peranan penjawat awam sebagai pemangkin kemajuan negara dan mengharap agar penjawat awam terus berusaha meningkatkan prestasi serta mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa.

YAB Perdana Menteri turut menekankan kepentingan memberikan peluang latihan kepada generasi penjawat awam muda, terutamanya dalam bidang Transformasi Digital dan Kecerdasan Buatan (AI). Langkah ini bertujuan memastikan penjawat awam memiliki kemahiran yang relevan dan mampu bersaing di peringkat global.



AMANAT 2025: YB MENTERI KPKT SERU SEMANGAT GREATER HEIGHTS



Pada 16 Januari 2025, Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 bersama YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, telah disiarkan secara #LIVE menerusi Facebook rasmi KPKT.

YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ, bersama barisan pengurusan tertinggi serta pegawai-pegawai MBSJ, turut mengikuti majlis ini secara atas talian di Learning Centre, Aras 3, Ibu Pejabat MBSJ.

Majlis ini menjadi platform penting dalam menyampaikan hala tuju serta strategi bagi tahun 2025, khususnya dalam memperkasa sektor perumahan dan pembangunan kerajaan tempatan.

Dalam amanatnya, beliau menyeru untuk semua penjawat awam memberikan khidmat yang cemerlang kepada rakyat serta mengamalkan nilai "GREATER HEIGHTS" iaitu Humility (rendah hati), Ethics (etika), Integrity (Integriti), Gung Ho (Semangat Kerja Keras), Honesty (Kejujuran), Teamwork (kerjasama) dan Success (kejayaan).





AMANAT TAHUN BAHARU MB SELANGOR SUNTIK SEMANGAT PENJAWAT AWAM!



Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 bersama YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari berlangsung di Auditorium Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz pada 27 Januari 2025 dengan kehadiran penjawat awam negeri.

Turut hadir, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, Ahli-ahli Majlis serta Ketua-ketua Jabatan MBSJ yang bersama-sama mendengar amanat dan aspirasi Kerajaan Negeri bagi tahun 2025.

Dalam majlis ini, YAB Dato' Menteri Besar menegaskan kepentingan penjawat awam dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan kepada rakyat serta menyampaikan penghargaan kepada jabatan dan agensi pemungut hasil atas kecemerlangan kutipan hasil tahun 2024.



Beliau turut melancarkan inisiatif KitaSelangor 2.0, yang menjadi landasan utama dalam memastikan pembangunan negeri terus mampan dan inklusif.



MBSJ komited untuk merealisasikan hala tuju yang telah dirancang bagi tahun 2025 dan terus menyokong usaha Kerajaan Negeri dalam memacu kemajuan Selangor.



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) terus memperkukuhkan pentadbirannya dengan kehadiran dua (2) pengarah baharu di bawah Program Penempatan Silang (Cross-Fertilisation) Negeri Selangor.

MBSJ mengalu-alukan kehadiran Tuan Haji Affandi bin Haji Jaafar, yang sebelum ini menjawat jawatan sebagai Pengarah Kewangan di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), serta Puan Haslinda binti Mohd Rantam, yang sebelum ini merupakan Pengarah Bangunan di Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK). Mereka kini dilantik sebagai Pengarah Jabatan Perbandarharaan dan Pengarah Jabatan Bangunan di MBSJ.

Program Penempatan Silang ini bukan sekadar pertukaran jawatan, tetapi juga satu usaha strategik dalam memperkayakan pengalaman, memperkukuh sinergi antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta meningkatkan kecekapan perkhidmatan kepada masyarakat.



PENGUKUHAN JENTERA PENTADBIRAN MBSJ MELALUI PROGRAM PENEMPATAN SILANG NEGERI SELANGOR



Sesi lapor diri telah berlangsung bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ pada 3 Februari 2025 yang lalu. Diharapkan pelantikan ini dapat memperkukuh jentera pentadbiran MBSJ dalam usaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada komuniti bandar raya.

Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat dalam program ini. Semoga peralihan ini dapat memberikan manfaat besar kepada pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor serta meningkatkan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

MBSJ PERKUKUH PERANCANGAN KEWANGAN & STRATEGI BANDAR PINTAR



Dalam usaha mengukuh kembali perancangan kewangan MBSJ serta meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan pembangunan bandar pintar di pentadbirannya, MBSJ telah mengadakan Mesyuarat Pengurusan Strategik dan Pelan Operasi Bajet Tahunan (POBT) MBSJ Bil. 1/2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu pejabat MBSJ.

Mesyuarat ini telah berlangsung pada 6 Januari 2025 yang telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ dan melibatkan pengurusan tertinggi, Ahli-Ahli Majlis serta ketua-ketua jabatan MBSJ.

Dalam mesyuarat kali ini, perbincangan yang dilaksanakan merangkumi semakan pencapaian organisasi sepanjang 2024 serta hala tuju dan strategi pengurusan bajet MBSJ bagi tahun 2025 agar segala perancangan pembangunan di pentadbiran MBSJ berjalan dengan lancar.



MBSJ KONGSI RAHSIA TADBIR URUS CEMERLANG DI SEMINAR CIB



Majlis Bandaraya Subang Jaya amat berbesar hati apabila pihak Institut Integriti Malaysia telah mengundang Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ, sebagai panel jemputan dalam Program Seminar Pembangunan Integriti Bersama Komuniti "Community Integrity Building" (CIB) Negeri Melaka dengan tajuk Memperkukuhkan Integriti Antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan komuniti.



Seminar ini telah berlangsung pada 9 Januari 2025 bertempat di Auditorium, Kompleks Seri Negeri dan telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Maslina binti Baki, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Melaka.

Dalam sesi ini, beliau telah berkongsi pengalaman dan strategi MBSJ dalam memperkukuh pembangunan integriti bersama komuniti. Beliau turut menerangkan bagaimana inisiatif ini menjadi mekanisme tadbir urus aduan PBT yang lebih efisien, sekaligus memberi impak positif kepada komuniti bandar raya.

MBSJ kekal komited dalam memperkasakan integriti dan ketelusan dalam pentadbiran, memastikan setiap aduan dan maklum balas masyarakat ditangani dengan lebih sistematik dan berkesan.





300 HAMPER UNTUK GOLONGAN B40 SEMPENA TAHUN BARU CINA!



Keprihatinan terhadap komuniti terus menjadi keutamaan apabila MBSJ dengan kerjasama Persatuan Pembangunan Masyarakat dan Alam (HANDS) dengan mengadakan Program Sumbangan Hamper sempena sambutan Tahun Baru Cina di Balai Masyarakat Taman Puchong Perdana pada 18 Januari 2025.

Program ini bukan sahaja bertujuan untuk membantu meringankan beban penerima tetapi juga mengeratkan hubungan dalam komuniti, selaras dengan semangat muhibbah dan kesejahteraan bandar raya.

YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, telah hadir bersama YBhg. Dato Dr. Kannan, Pengerusi HANDS, Encik Thomas Low Yew Sin, Ahli Majlis MBSJ Zon 9 serta wakil-wakil NGO dan telah meluahkan masa menyantuni komuniti setempat dan menyampaikan sebanyak 300 hamper berisi barangan keperluan asas kepada golongan B40.



PROGRAM ZIARAH KASIH MBSJ RINGANKAN BEBAN KELUARGA SEMPENA TAHUN BARU CINA



Prihatin dengan golongan yang memerlukan, MBSJ telah mengadakan Program Ziarah Kasih MBSJ sempena Tahun Baru Cina 2025, hasil kolaborasi strategik bersama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 22 di Kampung Baru Seri Kembangan pada 21 Januari 2025 yang lalu.

Sebanyak 10 keluarga telah menerima bantuan wang tunai daripada MBSJ, selain bakul makanan hasil sumbangan Syarikat Sri Ternak Mart (SK) Sdn Bhd dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Sumbangan ini telah disampaikan oleh YB Puan Wong Siew Ki, ADN Seri Kembangan, bersama Encik Tey Boon Kiat, Ahli Majlis MBSJ (Zon 22) bersama Puan Rubaizah binti Mohamed Noh, Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat MBSJ. Turut hadir wakil dari JKJ dan Syarikat Sri Ternak Mart (SK) Sdn Bhd yang turut bersama menjayakan inisiatif ini.

Diharapkan bantuan ini dapat meringankan beban penerima dalam membuat persiapan menyambut perayaan Tahun Baru Cina serta mengeratkan lagi semangat kebersamaan dalam komuniti.





MBSJ JALIN KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA SELANGORfm



Pada 17 Januari 2025, MBSJ telah mengadakan kunjungan hormat ke SELANGORfm bagi membincangkan potensi kerjasama kolaboratif pada masa hadapan. Lawatan ini diharapkan dapat mengukuhkan hubungan antara kedua-dua pihak dalam usaha menyebarkan maklumat berkaitan inisiatif bandar raya.

Dalam sesi ini, MBSJ merakamkan penghargaan kepada SELANGORfm atas ruang liputan menerusi segmen 'Jom Ambil Tahu' yang

memfokuskan program 'Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya #HTKSJ 2025'. Program tersebut telah bersiaran secara langsung dan mendapat sambutan positif daripada pendengar.

Kerjasama strategik ini diharapkan akan terus berkembang bagi memberi manfaat kepada komuniti bandar raya. Rakaman siaran boleh ditonton semula melalui akaun Facebook SELANGORfm di pautan: <https://tinyurl.com/MBSJSFM>



UPLATS DIGITAL BANTU USAHAWAN MIKRO KUASAI PERNIAGAAN DIGITAL



Seramai 71 usahawan mikro telah menyertai Program UPLATS Digital, anjuran Menteri Besar Incorporated (MBI) Selangor menerusi Platform Selangor (PLATS) dengan kerjasama MBSJ dan Selangor Youth Community (SAY).

Program yang berlangsung pada 22 Januari 2025 bertempat di Dewan Kenanga, MBSJ itu telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Inisiatif ini bertujuan memberikan pendedahan kepada usahawan tentang asas keusahawanan, perniagaan digital serta penggunaan media sosial sebagai alat pemasaran yang lebih berkesan.

Dengan penglibatan aktif peserta, program ini diharap dapat membantu penaja dan usahawan kecil mengembangkan perniagaan mereka serta meningkatkan daya saing dalam era digital.



BERGANDING BAHU! MBSJ FOKUS NAIK TARAF SJVCC & LAMAN WEB



Bengkel Percambahan Minda Projek Menaiktaraf Dashboard Subang Jaya Vibrant Command Centre (SJVCC) dan Pembangunan Dashboard Laman Web MBSJ telah berlangsung di Hotel Summit, Subang Jaya pada 23 - 24 Januari 2025. Bengkel ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Program ini bertujuan memperkukuhkan kecekapan sistem pemantauan dan pengurusan bandar dengan penambahbaikan pada dashboard SJVCC yang lebih mesra pengguna dan efektif. Selain itu, bengkel ini turut memberi fokus kepada pembangunan laman web MBSJ yang lebih interaktif serta mudah diakses, sekaligus memastikan maklumat perkhidmatan kepada komuniti dapat disampaikan dengan lebih cekap dan pantas.

Dengan inisiatif ini, MBSJ terus komited dalam memperkasa sistem penyampaian maklumat serta meningkatkan kualiti pengurusan bandar raya demi kesejahteraan rakyat di pentadbirannya.



PROGRAM WACANA EKSEKUTIF: MBSJ SANTUNI PERKONGSIAN ILMU BERSAMA YBHG. TAN SRI ACRYL SANI



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) amat berbesar hati atas kesudian YBhg. Tan Sri Acryl Sani bin Haji Abdullah Sani, Pengerusi Perbadanan Usahawan Nasional Berhad yang telah sudi hadir sebagai panel jemputan dalam 'Program Wacana Eksekutif' yang berlangsung pada 5 Februari 2025 bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Program yang sarat dengan informasi ini turut disiarkan secara langsung melalui saluran Facebook rasmi MBSJ, bagi membolehkan lebih ramai pihak mengikuti perkongsian berharga ini.

Program ini turut menampilkan YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, selaku moderator yang mengemudi sesi perbincangan.

Dalam sesi perkongsian ilmu ini, beliau turut berkongsi pengalaman luarnya sepanjang berkhidmat dalam sektor awam, selain membincangkan aspek penting dalam memperkasakan perkhidmatan dan memperkukuh integriti dalam tadbir urus organisasi.



Perkongsian dari Tan Sri Acryl Sani memberikan perspektif bernilai mengenai kepimpinan, kecekapan pentadbiran serta kepentingan integriti dalam sesebuah organisasi. Sesi interaktif ini bukan sahaja memberi manfaat kepada warga kerja MBSJ, tetapi juga kepada semua yang mengikuti siaran langsung program ini.

MBSJ komited untuk terus menganjurkan program bermanfaat seperti ini bagi memperluas ilmu pengetahuan serta meningkatkan profesionalisme dalam kalangan pegawai dan anggota perkhidmatan awam. Semoga inisiatif ini dapat memberikan inspirasi dan memperkukuh sistem tadbir urus yang lebih cemerlang di masa hadapan.



PROGRAM TAHLIL DAN GOTONG-ROYONG USJ 22: ERAT SILATURAHIM, PELIHARA KELESTARIAN, TANAH PERKUBURAN



Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menganjurkan Program Tahlil dan Gotong-Royong di Tanah Perkuburan Islam USJ 22 yang berlangsung pada 17 Februari 2025. Encik Khairul Basri bin M. Arif, Ahli Majlis MBSJ telah hadir ke program tersebut bersama wakil-kariah masjid dan surau dalam pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), waris-waris serta warga kerja MBSJ bagi menyumbang tenaga dan usaha untuk menjaga kebersihan kawasan perkuburan.

Tujuan utama program ini adalah untuk mempereratkan hubungan silaturahim antara ahli kariah serta memupuk kesedaran terhadap kepentingan menjaga kebersihan dan kelestarian tanah perkuburan.

Aktiviti dimulakan dengan bacaan tahlil yang diketuai oleh wakil kariah masjid, diikuti dengan sesi gotong-royong membersihkan kawasan perkuburan termasuk memotong rumput,

membuang sampah serta mencantikkan kawasan persekitaran.

Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuhkan nilai kebersamaan dalam komuniti tetapi juga mencerminkan keprihatinan masyarakat dalam memastikan tanah perkuburan sentiasa terpelihara dan terurus. Diharapkan program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi mengekalkan keharmonian dan kebersihan kawasan perkuburan.



KEBERANGKATAN DYMM SULTAN SELANGOR SERIKAN MAJLIS TILAWAH & HAFAZAN AL-QURAN NEGERI SELANGOR 2025



Majlis Tilawah & Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Selangor Tahun 1446H/2025M telah melabuhkan tirainya dalam suasana penuh kemuliaan dengan keberangkatan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, bersama DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajjah Norashikin bagi menyempurnakan majlis penutup pada 7 Februari 2025.

Majlis yang berlangsung di Dewan Syarahan & Muzakarah Islam Shah Alam ini menjadi saksi kehebatan para qari dan hafiz dalam memperdengarkan kalam suci Allah SWT.

Keberangkatan Baginda berdua turut disertai oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, Pegawai-Pegawai Daerah serta Ketua-Ketua Jabatan Negeri Selangor. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) turut memberikan sokongan kepada majlis berprestij ini.

Majlis ini bukan sekadar medan pertandingan, malah menjadi platform menyemarakkan kecintaan terhadap Al-Quran serta menggalakkan penghayatan ayat suci

dalam kehidupan seharian. Setiap lantunan ayat yang diperdengarkan tidak hanya mencerminkan keindahan bacaan, tetapi juga menggambarkan ketelitian dan kesungguhan para peserta dalam menguasai ilmu Al-Quran.

Semoga usaha yang penuh keberkatan ini diterima sebagai amal soleh di sisi Allah SWT serta menjadi pendorong kepada lebih ramai generasi muda untuk mendalami dan mengamalkan ajaran Al-Quran dalam kehidupan. Kejayaan majlis ini membuktikan komitmen Negeri Selangor dalam memperkasakan syiar Islam dan melahirkan insan yang cinta akan Al-Quran sebagai pedoman hidup sepanjang zaman.



KARNIVAL SERDANG BAHAGIA 2025: MERIAH DENGAN PELANCARAN PELANCONGAN SERDANG!



Serdang kini melangkah selangkah ke hadapan sebagai destinasi pelancongan baharu dengan penganjuran Karnival Serdang Bahagia 2025 dan Majlis Pelancaran Pelancongan Serdang yang berlangsung pada 8 dan 9 Februari 2025 di Dewan Serbaguna MBSJ Seri Kembangan. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Ng Suee Lim, EXCO Kerajaan Tempatan dan Pelancongan, menandakan permulaan inisiatif untuk mempromosikan Serdang sebagai pusat pelancongan yang unik dan menarik.

Turut hadir bagi memeriahkan majlis ialah YB Yeo Bee Yin, Ahli Parlimen Puchong, YB Puan Wong Siew Ki, ADN Seri Kembangan, serta YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ, bersama barisan Ahli Majlis MBSJ. Kehadiran pemimpin dan masyarakat setempat mencerminkan sokongan padu terhadap usaha memperkenalkan Serdang sebagai destinasi pilihan pelancong.

Karnival yang diadakan ini telah menyajikan pelbagai aktiviti menarik yang menggabungkan unsur kebudayaan, seni, dan kemeriahan perayaan. Antara acara yang mencuri tumpuan ialah Pertandingan Tarian Kebahagiaan, Bazar Tahun Baru Cina, Persembahan Tarian Singa, Pertandingan Kaligrafi Cina dan Persembahan Nyanyian.

Kemeriahan karnival ini bukan sahaja memberi hiburan kepada pengunjung, malah turut menjadi platform untuk memperkenalkan kekayaan budaya tempatan kepada pelancong dari dalam dan luar negara.



Pelancaran Pelancongan Serdang ini adalah langkah penting dalam usaha memajukan sektor pelancongan tempatan, sekaligus merangsang pertumbuhan ekonomi komuniti setempat. MBSJ berharap inisiatif ini akan terus berkembang dan menarik lebih ramai pengunjung untuk meneroka keunikan yang terdapat di Serdang.



SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2025 NEGERI SELANGOR MERIAH



Keberangkatan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, bersama DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajjah Norashikin, telah menyertai Majlis Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor Tahun 2025 yang diadakan di Pekarangan Fo Guang Shan Dong Zen Temple, Jenjarom.

Majlis ini turut dihadiri oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan & Perdagangan, Pembangunan IKS & Wilayah Ekonomi Baharu, Mobiliti Selangor, serta pegawai daerah dan ketua-ketua jabatan negeri. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ turut hadir bagi merayakan perayaan penuh muhibbah ini.

Sambutan Tahun Baru Cina kali ini disemarakkan dengan pelbagai acara menarik, termasuk persembahan kebudayaan yang menampilkan keunikan seni dan warisan masyarakat Tionghoa. Para tetamu turut dijamu dengan pelbagai hidangan istimewa, mencerminkan semangat perpaduan dan keharmonian pelbagai kaum di Selangor.

Fo Guang Shan Dong Zen Temple, yang terkenal dengan keindahan senibina dan suasana yang damai, menjadi lokasi yang cukup simbolik bagi menyambut Tahun Baru Cina dalam suasana harmoni.

1500 PENGUNJUNG MERIAHKAN MAJLIS SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2025



Seri Kembangan dipenuhi kemeriahan apabila Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menganjurkan Majlis Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina 2025 di Jalan SK 6/1 pada 15 Februari 2025.

Acara yang penuh warna-warni ini disempurnakan oleh YB Puan Wong Siew Ki, Ahli Dewan Negeri Seri Kembangan bersama YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ.



Turut hadir memeriahkan majlis ialah YB Wong Chen, Ahli Parlimen Subang, YB Tuan Abbas Salimmi bin Che Adzmi@Azmi, Ahli Dewan Negeri Seri Serdang, serta Ahli-ahli Majlis MBSJ, ketua-ketua jabatan MBSJ, rakan media serta komuniti setempat.

Majlis yang diadakan pada kali ini menampilkan pelbagai persembahan seni budaya, termasuk tarian singa yang memukau, melambangkan tuah dan keberkatan untuk tahun baharu.

Dalam majlis yang sama juga, turut diadakan majlis penyampaian sumbangan cek bernilai RM3,000 diberikan kepada empat badan bukan

kerajaan (NGO) terpilih iaitu BRDB Rotary Children's Residence (BRDR), Rumah Orang tua Seri Kembangan, Persatuan Perlindungan Kanak-Kanak Suriaku Selangor serta Persatuan Kebajikan Pusat Jagaan Jing Sun sebagai tanda keprihatinan kepada golongan yang memerlukan.

Bagi merayakan masyarakat kurang berkemampuan, MBSJ turut menyampaikan sumbangan 'angpow' kepada komuniti golongan B40 dan warga emas. Lebih istimewa, seramai 1,500 pengunjung terawal menerima kupon makanan bernilai RM10 untuk menikmati hidangan dari kendera saji dan gerai jualan yang disediakan.

Sambutan Tahun Baru Cina anjuran MBSJ ini bukan sahaja mengeratkan hubungan dalam komuniti berbilang kaum, malah mencerminkan komitmen bandar raya dalam membina keharmonian dan kesejahteraan bersama.





Kawasan Puchong menerima kunjungan istimewa YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, meluangkan masa bersama komuniti setempat dalam lawatan beliau pada 14 Februari 2025. Lawatan ini disambut dengan penuh kemeriahan, memperlihatkan keakraban antara pemimpin negara dan rakyat.

Sebagai sebahagian daripada lawatan ini, Perdana Menteri berkesempatan menikmati juadah tempatan di Gerai Syam Bawah Pokok, sebuah lokasi makanan popular yang menjadi tumpuan warga Puchong. Kehadiran beliau disambut meriah oleh penduduk sekitar yang mengambil peluang untuk berinteraksi secara santai bersama pemimpin negara.

Selain itu, YAB Perdana Menteri turut menunaikan Solat Jumaat di Masjid As-Salam, Puchong Perdana, bersama lebih 1,000 jemaah. Kesempatan ini memperlihatkan keprihatinan beliau terhadap kesejahteraan masyarakat setempat serta kepentingan nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan seharian.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ, serta ahli-ahli majlis yang bersama-sama menyambut ketibaan Perdana Menteri.

LAWATAN ISTIMEWA PERDANA MENTERI KE PUCHONG: SANTAPAN BERSAMA RAKYAT & SOLAT JUMAAT DI MASJID AS-SALAM



Lawatan ini bukan sahaja mengeratkan hubungan antara pemimpin dan rakyat tetapi juga memperkukuh semangat perpaduan serta keprihatinan dalam membangunkan komuniti yang lebih harmoni dan sejahtera.



MAJLIS ANUGERAH JASAMU DIKENANG 2025: PENGHARGAAN BUAT KETUA JABATAN NEGERI SELANGOR



Majlis penuh penghargaan, Anugerah Jasamu Dikenang (AJD) Ketua Jabatan Tahun 2025, telah berlangsung dengan meriah di DoubleTree by Hilton, Shah Alam i-City pada 25 Februari 2025 yang lalu.

Acara gilang-gemilang ini disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, sebagai tanda penghormatan kepada ketua-ketua jabatan yang telah menyumbang secara signifikan dalam memperkasakan sistem pentadbiran dan perkhidmatan di Negeri Selangor.

Majlis ini turut dihadiri oleh YB Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, bersama barisan Pegawai Daerah dan Ketua-Ketua Jabatan dari seluruh Negeri Selangor. Turut hadir memeriahkan majlis ialah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar

MBSJ, yang mewakili Majlis Bandaraya Subang Jaya dalam memberikan sokongan terhadap inisiatif penghargaan kepada pemimpin sektor awam.

Anugerah ini bukan sekadar sebuah penghormatan, tetapi juga sebagai motivasi untuk terus memperkukuh sistem pentadbiran yang lebih dinamik, efisien dan berdaya maju. Syabas dan tahniah kepada semua penerima anugerah atas dedikasi serta komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam membangunkan Negeri Selangor.



TRANSFORMASI PASAR AWAM SK10 DIPERHEBAT DENGAN 10 REKA BENTUK TERBAIK



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah melaksanakan sesi penjurian terakhir bagi Pertandingan Idea Rekabentuk (DIC) untuk Pemilihan Reka Bentuk Pasar Awam di Jalan Pasar SK10, Seri Kembangan pada 17 Februari 2025 yang lalu. Sesi ini disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ dan berlangsung di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Pertandingan ini mendapat sambutan luar biasa dengan 91 penyertaan yang dihantar oleh peserta dari pelbagai latar belakang. Daripada jumlah tersebut, 10 reka bentuk terbaik telah disenarai pendek dan dibentangkan oleh peserta di hadapan 7 juri profesional, yang memberikan 90% pemarkahan. Selebihnya, 10% pemarkahan dinilai oleh juri awam, termasuk YB Puan Wong Siew Ki, Ahli Dewan Negeri Seri Kembangan, Ahli Majlis, Ketua Jabatan MBSJ, serta wakil persatuan peniaga dan penjaja Pasar Awam SK10.



Hasil daripada sesi penjurian ini, 5 reka bentuk terbaik akan dipilih dan melalui satu lagi peringkat penilaian penting – sesi libat urus bersama penduduk, peniaga, dan penjaja Seri Kembangan. Sesi ini dijadualkan berlangsung pada 25 Februari 2025 di Dewan Seri Kembangan, dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 22.

MBSJ komited dalam memastikan pembangunan Pasar Awam SK10 memenuhi keperluan peniaga dan komuniti setempat, sekaligus mencerminkan reka bentuk yang inovatif dan mesra pengguna. Nantikan keputusan akhir dan sama-sama kita menyaksikan transformasi pasar awam yang lebih moden dan efisien!



PASAR AWAM SERI KEMBANGAN BAHARU: REKABENTUK PILIHAN RAKYAT, WARISAN MODEN KOMUNITI



Sebagai langkah transformasi ke arah pasar awam moden dan mesra komuniti, MBSJ telah menganjurkan Sesi Libat Urus Pertandingan Idea Rekabentuk (DIC) bagi projek Pasar Awam di Jalan Pasar SK10, Seri Kembangan, Daerah Petaling. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Yeo Bee Yin, Ahli Parlimen Puchong, bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ Seri Kembangan pada 25 Februari 2025.

Turut hadir dalam sesi libat urus ini adalah Ar Adrianta bin Aziz, Presiden Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM), ahli-ahli majlis, Dr. Ir. Mohd Ariffudin bin Hj Kamari, Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBSJ serta wakil penduduk, peniaga, dan penjaja Seri Kembangan.

Apa yang menjadikan sesi ini lebih istimewa ialah penyertaan aktif komuniti dalam menentukan wajah baharu Pasar Awam Seri Kembangan. Sebanyak 10% daripada markah keseluruhan diberikan berdasarkan undian komuniti yang hadir, memberikan suara kepada rakyat dalam membentuk persekitaran perniagaan yang lebih baik.

Proses penjurian rasmi yang berlangsung pada 17 Februari 2025 telah menyenarai pendek lima rekabentuk terbaik, hasil pemilihan juri profesional dan juri awam. Dengan penglibatan rakyat dalam pembangunan ini, Pasar Awam Seri Kembangan baharu bukan sekadar tempat berniaga, tetapi simbol kemajuan dan kebersamaan komuniti.





43 WARGA MBSJ SERTA PROGRAM PEMENTORAN, PERKASA BUDAYA KERJA CEMERLANG



Seramai 43 warga kerja MBSJ telah terpilih menyertai Majlis Aspirasi: The G.R.E.A.T Pementoran MBSJ dan Majlis Menandatangani Persetujuan Menjalankan Program Pementoran MBSJ yang telah berlangsung pada 8 Januari 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Kesemua peserta yang hadir akan terlibat dalam Program Pementoran MBSJ 2024/2025, di mana mereka akan berperanan sebagai agen penggerak dalam membudayakan budaya kerja berprestasi tinggi dalam perkhidmatan awam. Program ini diadakan bertujuan untuk membimbing dan memperkasa peserta dalam aspek kompetensi peribadi, sosial, budaya, kerjaya, dan profesionalisme.

MBSJ berharap inisiatif ini dapat menjadi pemangkin transformasi, melahirkan penjawat awam yang lebih dinamik, berdaya saing, dan bersedia menghadapi cabaran di masa hadapan.

TRANSFORMASI MINDA MBSJ 2025: MELANGKAH KE ARAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



Program Transformasi Minda (Induksi Dalam) MBSJ 2025 telah berlangsung dengan jayanya selama dua hari, bermula 24 hingga 26 Februari 2025 di Learning Centre MBSJ, Ibu Pejabat MBSJ. Program ini bertujuan memberi pendedahan awal kepada kakitangan baharu dan pegawai yang dinaikkan pangkat mengenai struktur organisasi, budaya kerja, serta tatakelakuan dalam Perkhidmatan Awam.

Seramai 29 peserta telah mengikuti program ini, yang menekankan aspek etika kerja, disiplin, dan tanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat. Sepanjang program, peserta didedahkan dengan pelbagai sesi interaktif dan perkongsian ilmu bagi memantapkan pemahaman mereka tentang peranan di MBSJ.

Turut hadir, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, yang memberikan amanat serta dorongan kepada semua peserta agar sentiasa berdedikasi, berintegriti, dan profesional dalam menjalankan tugas mereka.



MBSJ PERANGI DADAH! TEKAD PERKUKUH KESEDARAN DI TEMPAT KERJA



Sebagai inisiatif meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga kerja terhadap bahaya penyalahgunaan dadah dan substans di tempat kerja, MBSJ dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Petaling telah menganjurkan Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) pada 14 Januari 2025 bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Taklimat bertajuk "Realiti Semasa Penyalahgunaan Dadah dan Substans" disampaikan oleh Encik Muhammad Amirul Aiman bin Mohd Rosdan, Pegawai Antidadah AADK Daerah Petaling. Dalam taklimatnya, beliau telah memberi pendedahan mengenai trend semasa, kesan negatif serta langkah pencegahan bagi memastikan persekitaran kerja yang lebih selamat dan kondusif.

Penganjuran program ini mencerminkan komitmen MBSJ dalam memperkukuh nilai integriti dan kesejahteraan tempat kerja, seiring dengan usaha membina komuniti serta menjadikan bandar raya ini lebih selamat dan harmoni.



MBSJ PERKASA KESEDARAN PERSEKITARAN KERJA BEBAS DADAH



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Petaling telah menganjurkan Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) pada 21 Februari 2025 bertempat di Ibu Pejabat MBSJ bagi meningkatkan kesedaran warga kerja terhadap bahaya penyalahgunaan dadah dan substans.

Program ini menampilkan sesi taklimat bertajuk "Realiti Semasa Penyalahgunaan Dadah dan Substans" yang disampaikan oleh Encik Mohd Yashamly bin Mohd Yasin, Pegawai Antidadah AADK Daerah Petaling.

Objektif utama program ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada warga kerja MBSJ mengenai kepentingan menjaga persekitaran tempat kerja yang selamat, produktif, dan bebas daripada penyalahgunaan dadah.

MBSJ terus mendukung usaha pencegahan dadah serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga kerja bagi mewujudkan persekitaran kerja yang lebih sihat dan selamat.





BIJAK URUS CUKAI: WARGA MBSJ DALAM STRATEGI PENJIMATAN BERSAMA LHDN



Dalam usaha meningkatkan literasi percukaian dalam kalangan warga kerja Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), satu sesi taklimat khas bertajuk "Rahsia Jimat Cukai" telah dianjurkan pada 6 Mac 2025 bertempat di Ibu Pejabat MBSJ dengan kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Program yang padat informasi ini telah disampaikan oleh Encik Muhammad Naazren Ab Manaf, Pegawai Perhubungan Awam, LHDN Selangor.

Taklimat ini bukan sekadar memberi pendedahan tentang sistem Cukai Pendapatan dan proses e-Filing, tetapi lebih kepada membantu peserta memahami bagaimana cukai boleh diurus dengan lebih cekap. Ramai yang sering terlepas pandang pelepasan cukai yang boleh dituntut atau tidak pasti bagaimana potongan cukai boleh memberi kesan kepada kewangan mereka. Sesi ini membuka peluang kepada warga MBSJ untuk meneliti strategi penjimatan cukai yang sah dan memastikan mereka mematuhi keperluan cukai tanpa kerisauan.

Selain daripada perkongsian teori, LHDN turut membuka kaunter khidmat pelanggan khas bagi menjawab sebarang pertanyaan secara langsung. Peluang ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh peserta yang ingin mendapatkan nasihat mengenai isu seperti pemotongan cukai, pelepasan yang layak,

serta cara terbaik untuk merancang kewangan mereka agar lebih teratur.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen MBSJ dalam memastikan warga kerja sentiasa dilengkapi dengan ilmu yang bermanfaat, bukan sahaja dalam aspek pentadbiran bandar tetapi juga dalam pengurusan kewangan peribadi. Dengan pemahaman yang lebih mendalam tentang percukaian, warga MBSJ kini lebih bersedia untuk menguruskan kewajipan cukai mereka dengan lebih bijak dan strategik.



MPP ZON 4 DINOBATKAN MPP MBSJ TERBAIK KESELURUHAN 2024



MBSJ telah mengadakan Majlis Anugerah Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) 2024 serta Pelancaran Aplikasi Gemilang MBSJ sempena Tahun Melawat Selangor 2025. Majlis telah berlangsung di Hotel Sunway Resort, Bandar Sunway pada 19 Januari 2025 yang lalu.

YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ telah hadir menyempurnakan majlis sekaligus menyampaikan anugerah kepada MPP yang berjaya bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir adalah Yang Berhormat Wong Chen, Ahli Parlimen Subang, Yang Berhormat Puan Michelle Ng Mei Sze, ADN Subang Jaya, YB Puan Wong Siew Ki, ADN Seri Kembangan dan YB Tuan Abbas Salimmi Che Adzmi, ADN Seri Serdang serta YDH. ACP Wan Azlan bin Wan Mamat, Ketua Polis Daerah Subang Jaya.



MBSJ mengucapkan tahniah kepada semua penerima anugerah dan berharap kejayaan ini menjadi pemangkin kepada usaha berterusan dalam menyalurkan perkhidmatan yang berkualiti serta terbaik kepada penduduk.

Sebanyak lapan anugerah telah disampaikan kepada MPP yang cemerlang, dengan kategori utama, Anugerah MPP Terbaik Keseluruhan Tahun 2024, dimenangi oleh MPP Zon 4 di bawah kelolaan Ahli Majlis, Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim. MPP Zon 4 membawa pulang wang tunai RM10,000, piala dan sijil sebagai pengiktirafan atas kecemerlangan mereka dalam melaksanakan inisiatif untuk komuniti.





Majlis ANUGERAH PER CEMERLANG MBSJ RAIKAN DEDIKASI



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) MBSJ 2024 pada 21 Februari 2025 bertempat di The Ballroom, MAHSA University, Bandar Saujana Putra bagi menghargai komitmen dan kecemerlangan warga kerja MBSJ.

Majlis penuh gilang-gemilang ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ serta dihadiri oleh Ahli-Ahli majlis dan warga kerja MBSJ.

Seramai 115 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2024 dan sembilan pesara diraikan atas dedikasi serta sumbangan mereka dalam perkhidmatan. Selain itu, empat pengiktirafan khas turut diberikan kepada individu dan pasukan yang telah mengharumkan nama MBSJ di peringkat kebangsaan dan antarabangsa

menerusi Anugerah Khas Datuk Bandar (AKDB), Anugerah Khas Inovasi (AKI), Anugerah Khas Sukan (AKS) dan Anugerah Khas Kebudayaan (AKK).

Majlis bertambah meriah dengan persembahan istimewa daripada kumpulan 'Cherish 2000' serta penampilan pengacara terkenal Yasmin Hani yang menghiburkan tetamu. Tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah atas pencapaian yang cemerlang. Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi kepada seluruh warga kerja MBSJ untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

ANUGERAH KHAS SUKAN INDIVIDU (AKSI)

NAMA	KEJOHANAN / PENCAPAIAN
Encik Ahmad Shukri bin Bahari (Footgolf)	1. 24 Feb 2024 - Kejohanan Malaysia Open FIFG 100 - No 8/22
	2. 27 April 2024 - Kejohanan Malaysia Open FIFG 100 - No 5/20
	3. 25-26 Mei 2024 - Kejohanan Australia Open FIFG 500 - No 5/27
	4. 1-2 Jun 2024 - Kejohanan Malaysia Open FIFG 250 - No 5/22
	5. 29 Jun 2024 - Kejohanan Malaysia Open FIFG 100 - No 1/20
	6. 30 Jun 2024 - Kejohanan Malaysia Open FIFG 100 - No 3/20
	7. 27-28 Jun 2024 - Kejohanan Malaysia Open FIFG 250 - No 1/22
	8. 24 Ogos 2024 - Kejohanan Malaysia Open FIFG 100 - No 6/20
	9. 28-29 Ogos 2024 - Kejohanan Malaysia Open FIFG 500 10/36
	10. 27 Okt 2024 - Kejohanan Malaysia Open FIFG 100 - No 4/20
	11. 30 Nov 2024 - Kejohanan Malaysia Open FIFG 100 - No 6/21
	12. 1 Dis 2024 - Kejohanan Malaysia Open FIFG 100 - No 5/20
	13. 23-27 Sept 2024 - Kejohanan Asia Cup 2024 - MALAYSIA 2nd place
Cik Steffi Sarge Kaur A/P Sergeant Singh (Bola Sepak / Footgolf)	Bola Sepak 1. 2024 Johan - Liga Super Wanita FAS 2024 (MBSJ) 2. 2024 Mewakili Negara di Kejohanan Bolasepak AFF di Laos (Tempat ke-5) Footgolf 1. 23-27 Sept 2024 Kejohanan Footgolf Asia Cup 2024 - MALAYSIA Johan
Encik Lugman Nul Hakim bin Mohd Shokree (Ragbi)	1. Jan - Feb 2024 6th Place - Corporate League - MBSJ 2. Mei 2024 Runner up Bowl - MALA Games - MBSJ 3. Mei 2024 Plate Champ - Mukah 10s - Black Catz 4. Mei 2024 Runner up Cup - Bison 10s - Bison 5. Jun 2024 Bowl Champ - International NS Premier 7s - Bison 6. Jun 2024 Cup Champ - Rainforest KRFC 7s - Black Catz 7. Julai 2024 8th Place Kejohanan Ragbi Kebangsaan 7s - Sarawak 8. Julai 2024 Bowl Champ - UKM 10s - MBSJ 9. Nov 2024 Kejohanan MAKSAS Kebangsaan 10s (Selangor) Johan

ANUGERAH SUKAN BERKUMPULAN (ASB)

KUMPULAN	MAKLUMAT PASUKAN	PENCAPAIAN
FUTSAL MBSJ FC (Lelaki)	1. Encik Nor Azmi bin Mohd Rosli (Pengurus) 2. Encik Mohd Zulhili bin Rosli (Pen. Pengurus) 3. Encik Addy Shairul Nizam bin Mohd Shafiee (Jurulatih) 4. Encik Mohd Nasaruddin bin Noh (media) 5. Encik Iskandar bin Kamis (fisioterapi) 6. Encik Muhammad Fariq bin Mohammad (pemain) 7. Encik Muhammad Faris bin Haji Mohd Johan (pemain) 8. Encik Ahmad Zahir bin Ahmad Zamri (pemain)	Futsal MAKSAS Selangor 25-28/4/2024
FUTSAL MBSJ FC (Perempuan)	1. Puan Norsilawati binti Mohamed Yatim (Pengurus) 2. Puan Hj. Noor Afifah binti Hussin (Pen. Pengurus) 3. Encik Mohd Fairuz bin Mohd Noor (Ketua Jurulatih) 4. Encik Rais bin Sulaiman (Fisioterapi) 5. Encik Mohammad Nazrul bin Mokhtar (Pembantu Jurulatih) 6. Cik Nurul Nadhirah binti Abdul Lateh (Pemain) 7. Cik Fatin Shahida binti Azmi (Pemain) 8. Cik Farah Aina binti Musa (Pemain) 9. Cik Nur Syafiqah binti Zainal (Pemain) 10. Cik Norshahira binti Suhaime (Pemain)	Futsal MAKSAS Selangor 25-28/4/2024
FUTSAL MBSJ FC (Perempuan)	1. Encik Najib bin Iman (Ketua Jurulatih) 2. Encik Mohd Kamil bin Basir (Pengurus) 3. Encik Mohd Zhafran Zharif bin Baharudin (Pemain) 4. Encik Nor Hasrin bin Deli (Pemain) 5. Encik Muhammad Fairudin bin Zamri (Pemain) 6. Encik Nasrul Kamil bin Johar (Pemain) 7. Encik Muhammad Rizal bin Maamor (Pemain) 8. Encik Muhammad Ariff Daniel bin Mohammad Aripin (Pemain)	Sepak Takraw MAKSAS Selangor 2024 21-24/11/2024

ANUGERAH KHAS KEBUDAYAAN (AKK)

KUMPULAN	PENCAPAIAN
KOMBO MBSJ	Naib Johan • Pertandingan Battle of The Band bagi Kejohanan Festival Anak Seni MAKSAS (FASIM) 2024 Pemain Gitar Terbaik • Encik Isma Izhar bin Che Ismail Persembahan Konsert Nostalgia Irama 80an & Evolusi Muzik Di Dewan Bankuet MBSA Shah Alam



ANUGERAH KHAS INOVASI (AKI)

KUMPULAN	MAKLUMAT PASUKAN	PENCAPAIAN
2 LAS Tajuk Projek: Coco Crush	1. Encik Muhammad Rahimi bin Satar 2. Encik Muhammadjun bin Zolpa 3. Encik Muhammad Hakim bin Zainuddin 4. Encik Asyraf bin Roslan	Anugerah Emas • International Convention Quality On Control Circles (ICQCC) 2024 Peringkat Akhir • Piala Inovasi MALA 3.0, Piala YB Menteri KPPT Peringkat Akhir • 30 Pasukan Terbaik Johan Inovasi Sosial (Penambahbaikan) • Konvensyen Inovasi A Awam MBSJ 2024 Oktober 2024
D PLANNERS Tajuk Projek: GIMS (Greenhouse Gas Inventory Management System)	1. Encik Muhamad Nursariq bin Abdul Razak 2. Encik Ahmad Arifin bin Shakimin 3. Puan Nor Safikha binti Ariffin 4. Encik Muhammad Nur Arid bin Samat 5. Puan Shazwani binti Mohammad Sahlan	Anugerah Emas • International Convention Quality On Control Circles (ICQCC) 2024 Anugerah Pencapaian 5 Bintang • Program MPC Showcase On Productivity Improvement Initiatives 2023/2024
Revenue Tajuk Projek: Sistem I Data	1. Puan Sharifah Rohaida binti Abd Rahman 2. Puan Norsilawati binti Md Yatim 3. Puan Azian binti Ropie 4. Cik Nadatul Ain binti Mat Rais 5. Puan Siti Zubaidah binti Jaji 6. Puan Norafiza binti Nga Bidin 7. Encik Zuhail Hazizi bin Ghazali	Johan Kategori Ekonomi • Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) 2024 Peringkat Akhir 30 Pasukan Terbaik • Piala Inovasi MALA 3.0 Piala YB Menteri KPPT Johan Inovasi Perkhidmatan (penciptaan) 2024 • Konvensyen Inovasi Awam MBSJ 2024

PERKHIDMATAN 2024 MERIAH, WARGA KERJA

ANUGERAH KHAS DATUK BANDAR

NAMA	SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN SEPANJANG PERKHIDMATAN	PENGHARGAAN YANG PERNAH DIPEROLEHI	PENCAPAIAN DALAM BIDANG SUKAN
Puan Hj. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman	- Pengarah Jabatan Hasil - Timbalan Pengerusi Pusanita Daerah Petaling (2010 - 2025) - Setiasaha Pusanita MBSJ (2010 - 2025) - Timbalan Pengerusi Koperasi Subang Jaya (KOSUJA) (2014 - 2025) - Pegawai Pengurus SPR DUN 28 Seri Kembangan Pru Ke-15 - Pengurus Pasukan Bola Sepak Dan Futsal Wanita MBSJ (2010 - 2025) - Pengurus Futsal Wanita MAKSAS Selangor (2010-2025) - Pengurus Futsal Wanita MBSJ Kejohanan Sukan Badan Berkanun (SUKANUN) (2022 - 2025) - Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Badan Penasihat Syariah MBSJ (2021 - 2025) - Ahli Akauntan Bertauliah Institut Akauntan Malaysia (MIA) - Penyelaras Bantuan Banjir 2021	- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2000, 2004, 2009, 2018 Dan 2023 - Anugerah Khas Sukan Tahun 2023 - Pingat Anugerah Yang Dipertua Tahun 2010 - Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan - Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.) Tahun 2016 - Darjah Kebesaran Bintang Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) Tahun 2008 - Sijil Pengurusan Kewangan Maqasid Syariah PBT Pertama Di Malaysia - Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) - Johan Kategori Trek Ekonomi (Sistem I-Data) - Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan Terbaik Bagi Pembayaran Tanpa Tunai Tahun 2024 (Best PBT Award) - Naib Juara - Smart City Award Tahun 2024 Finalist Top 4 : Whatsapp Business	- Juara Piala Futsal Wanita FAM 2014 - Naib Johan MPFL (Malaysia Premier Futsal League) 2018 Dan 2019 - Johan Futsal Wanita MAKSAS Malaysia Mewakili Selangor 2020 - Johan Futsal Wanita SUKANUN 2023 - Naib Johan Futsal MAKSAS Malaysia 2023 - Juara FAS Women's Super League 2023 Dan 2024 - Gangsa Futsal Wanita MAKSAS Malaysia 2024





WARNA-W

AKTIVITI MPP BULAN

JANUARI

MPP ZON 1



24.1.2025 (JUMAAT)
COMMUNITY GARDENING
 KABIN KRT SS15

MPP ZON 2



11.1.2025 (SABTU)
PROGRAM TANAM POKOK
 PADANG PJS 9/4

MPP ZON 3



3.1.2025 (JUMAAT)
SUMBANGAN NUR KASIH
 SMK USJ 13

MPP ZON 6



10.1.2025 (JUMAAT)
JAMUAN DEEPAVALI & KRISMAS
 KUIL SRI MAHARAMAN

MPP ZON 8



20.1.2025 (ISNIN)
SERAHAN CEK SUMBANGAN KEPADA PIBG SMK USJ 23
 SEKOLAH MENENGAH USJ 23

MPP ZON 9



12.1.2025 (AHAD)
KARNIVAL SUKAN RAKYAT
 PADANG BOLA SEPAK TAMAN SRI PUCHONG

MPP ZON 13



15.2.2025 (SABTU)
PROGRAM FORUM DHUHA
 MASJID AS-SALAM, PUCHONG PERDANA

MPP ZON 14



19.2.2025 (RABU)
PROGRAM ZIARAH KASIH
 KAMPUNG LOMBONG TIMAH

MPP ZON 16



15.2.2025 (SABTU)
KEBUN KOMUNITI ANAK ISTIMEWA
 TAMAN REKREASI WAWASAN

MPP ZON 12



17.3.2025 (ISNIN)
PROGRAM SMART ALQURAN
 BALAI MASYARAKAT MPP 12 KG. SERI AMAN

MPP ZON 20



8.3.2025 (SABTU)
HARI WANITA BADAN CERGAS
 BALAI MASYARAKAT JALAN 5

MPP ZON 23



24.3.2025 (ISNIN)
PROGRAM BUKA PUASA
 MASJID ISLAH

MPP ZON 24



9.3.2025 (AHAD)
LATIHAN BOLA KERANJANG
 GELANGGANG BOLA KERANJANG

MAC

BARNI KOMUNITI

JANUARI • FEBRUARI • MAC 2025

MPP ZON 4



12.1.2025 (AHAD)
PROGRAM GOTONG-ROYONG
BLOK G & H PANGSAPURI
ANGSANA

MPP ZON 5



12.1.2025 (AHAD)
**PROGRAM SUMBANGAN
PONGGAL**
BLOK G & H PANGSAPURI
ANGSANA

MPP ZON 10



14.2.2025 (JUMAAT)
**PROGRAM LUKISAN
CINA**
BALAI KOMUNITI
PUCHONG JAYA

MPP ZON 11



17.2.2025 (ISNIN)
**KELAS LION
DANCE**
BALAI
MASYARAKAT
TAMAN MAWAR

FEBRUARI

MPP ZON 18



4.2.2025 (SABTU)
**PENJAGAAN
KESIHATAN WARGA
EMAS**
BALAI MASYARAKAT
BANDAR KINRARA 2

MPP ZON 19



1.2.2025 (SABTU)
**PROGRAM ASAS
TAEKWANDO**
BANDAR KINRARA

MPP ZON 21



22.3.2025 (SABTU)
**PROGRAM EDARAN
BAJU RAYA**
AEON, TAMAN EQUINE

MPP ZON 22



11.3.2025 (SELASA)
AGIHAN BUBUR LAMBUK
HOSPITAL SERDANG

MPP ZON 4



9.3.2025 (AHAD)
**PROGRAM MASAK
BUBUR LAMBUK**
PANGSAPURI ANGSA, USJ 1

MPP ZON 18



15.3.2025 (SABTU)
**PEMBERIAN SUMBANGAN
BARANG DAPUR**
GIANT BK 5

MPAJ PELAJARI TEKNOLOGI KITAR SEMULA SISA KELAPA



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) berbesar hati menerima lawatan penandaarasan daripada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) ke Pusat Pengurusan Sisa Kelapa Muda MBSJ pada 6 Januari 2025. Lawatan ini diketuai oleh Puan Nurshahira binti Mhd Ab Rahman, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran MPAJ, bersama delegasi MPAJ.

Kunjungan ini bertujuan untuk meneliti amalan terbaik dalam pengurusan sisa kelapa muda, khususnya dari segi kaedah pengumpulan, pemprosesan, serta penghasilan produk kitar semula seperti 'cocopeat' dan 'cocofibre'. Delegasi MPAJ turut berpeluang melihat sendiri proses pemprosesan sisa kelapa yang dikutip daripada penaja kelapa berpermit.



MBSJ berharap lawatan ini dapat memberi inspirasi dan manfaat kepada MPAJ dalam mengadaptasi kaedah yang sesuai untuk dilaksanakan di kawasan pentadbiran mereka.



Kerjasama seperti ini selari dengan komitmen kedua-dua pihak dalam memperkukuh usaha kelestarian dan pengurusan sisa mampan.

MBSJ JADI RUJUKAN! MBI & MBKT TIMBA ILMU MENGENAI PEMBANGUNAN BANDAR



Pada 15 Januari 2025, MBSJ dengan berbesar hati menerima lawatan penandaarasan daripada Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) yang diketuai oleh Encik A'zman bin Mohd Harun, Pengarah Kanan (Teknikal) MBI, serta Ts. Muhammad Shawal Sufiyan bin Mat Amin, Pengarah Kawalan Bangunan MBKT.

Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari serta bertukar pandangan mengenai pelaksanaan Pertandingan Idea Reka Bentuk Pembangunan Pasar Baru, yang telah dianjurkan oleh MBSJ. Melalui sesi perkongsian ini, para delegasi dapat menimba pengalaman serta mendapatkan inspirasi bagi memperkasa inisiatif pembangunan di bandar masing-masing.

Komitmen berterusan dalam mewujudkan perancangan bandar yang inovatif dan berdaya maju menjadi pemacu utama dalam perkongsian strategik ini, sekaligus memperkukuh hubungan antara pihak berkuasa tempatan.



MBSJ & MBSA PERKASA PERKONGSIAN STRATEGI PENGURUSAN BANDARAYA



Pada 24 Januari 2025, MBSJ meneruskan inisiatif pemantapan pengurusan bandaraya melalui sesi lawatan rasmi ke Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang diketuai oleh Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik, MBSJ.

Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman serta amalan terbaik berkaitan pelan strategik, inovasi, dan pengurusan aduan yang dilaksanakan oleh pihak MBSA. Perbincangan antara kedua-dua pihak turut menekankan aspek keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

MBSJ berharap hasil perkongsian ini dapat dimanfaatkan dalam meningkatkan keberkesanan pengurusan bandar serta memperkukuh perkhidmatan kepada penduduk setempat, sejajar dengan matlamat menjadikan Subang Jaya sebuah bandar raya mampan dan bestari.



MBSJ-DBKL PERKASA INTEGRITI!



MBSJ berbesar hati menerima kunjungan penandaarasan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 25 Januari 2025 yang diketuai oleh Tuan Kamarulzaman bin Ahmad, Ketua Jabatan Integriti DBKL.

Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman serta amalan terbaik dalam pengurusan aduan COB di MBSJ, sebagai persediaan DBKL untuk menyertai Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah 2025.

Perbincangan antara kedua-dua pihak turut memberi tumpuan kepada pemantapan sistem integriti dan governans bagi meningkatkan kecekapan pengurusan bandar. Diharapkan perkongsian ilmu ini dapat dimanfaatkan dan memperkukuh hubungan strategik antara MBSJ dan DBKL dalam usaha memperkasakan tadbir urus yang lebih cekap dan berintegriti.



MBSJ TERIMA LAWATAN PENANDAARASAN DARI INSPEN



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) amat berbesar hati menerima lawatan penandaarasan dari Institut Penilaian Negara (INSPEN) ke Ibu Pejabat MBSJ pada 4 Februari 2025 yang lalu. Lawatan ini menjadi agenda penting dalam memperkukuh kerjasama serta bertukar pandangan mengenai bidang penilaian hartanah dan pembangunan bandar yang mampan.

Sepanjang sesi lawatan, pelbagai perkongsian dan perbincangan telah diadakan, di mana ianya membuka peluang untuk meningkatkan kecekapan serta inovasi dalam sektor penilaian serta perancangan bandar. Delegasi

INSPEN turut diberikan penerangan mengenai inisiatif dan strategi MBSJ dalam menguruskan penilaian hartanah, termasuk penggunaan teknologi terkini dalam memastikan ketepatan serta keberkesanan sistem penilaian.

MBSJ berharap agar hubungan erat yang terjalin ini dapat diteruskan dengan kerjasama yang lebih erat pada masa hadapan. Terima kasih kepada delegasi INSPEN atas kunjungan ini. Semoga jalinan strategik ini memberikan manfaat besar kepada kedua-dua pihak dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat.



MBSJ & MBMB PERKUKUH KERJASAMA MELALUI LAWATAN PENANDAARASAN



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) berbesar hati menerima lawatan penandaarasan dari Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) ke Ibu Pejabat MBSJ. Delegasi MBMB diketuai oleh YBhg. Datin Sr. Nani Ernie binti Othman, Timbalan Pengarah Kejuruteraan (Bangunan), MBMB.

Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan pendedahan dan berkongsi maklumat berkaitan penyelarasan Pertandingan Idea Rekabentuk (DIC) serta keperluan cadangan pembinaan Pasar Besar Melaka Sentral, Melaka Tengah oleh MBMB. Melalui sesi ini, kedua-dua pihak berpeluang bertukar pandangan dan pengalaman bagi memperkukuh perancangan pembangunan yang lebih efektif dan berdaya maju.

Diharapkan perkongsian ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya serta mengeratkan lagi hubungan antara MBSJ dan MBMB. MBSJ komited dalam terus membina jaringan kerjasama yang produktif demi kepentingan pembangunan dan kesejahteraan masyarakat.





PERKONGSIAN ILMU: LAWATAN PENANDAARASAN KEBUN KOMUNITI MPAJ KE MBSJ



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) berbesar hati menerima lawatan penandaarasan daripada Peserta Kebun Komuniti di bawah Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) ke Kebun Komuniti Strata yang diuruskan oleh MBSJ pada 25 Februari 2025.

Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman, mempelajari teknik pengurusan, pentadbiran, serta pelaksanaan program kebun komuniti yang telah dijalankan di kawasan pentadbiran MBSJ.



Sebagai sebahagian daripada sesi pembelajaran ini, delegasi MPAJ telah dibawa melawat Kebun Komuniti Strata Flat Sri Serdang, Kebun Komuniti Pangsapuri Enggang, dan Kebun Komuniti USJ 14. Lawatan ini membolehkan peserta melihat sendiri inisiatif pertanian bandar yang telah berjaya dilaksanakan oleh MBSJ, serta bagaimana ia memberi manfaat kepada komuniti setempat.

Diharapkan lawatan ini dapat memberikan inspirasi serta manfaat dalam usaha memperkasa kebun komuniti di kawasan masing-masing, sekali gus menyumbang kepada pembangunan persekitaran hijau dan lestari.



MBSJ PERKASA KEBUN KOMUNITI STRATA MELALUI KURSUS PERTANIAN BANDAR 2025



Dalam usaha memperkukuh amalan pertanian lestari di kawasan bandar, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah menganjurkan Kursus Pertanian Bandar bagi Kebun Komuniti Strata 2025. Program ini telah berjaya menghimpunkan 50 peserta yang mewakili 17 Kebun Komuniti Bandar di bawah pentadbiran MBSJ.

Kursus ini bertujuan untuk memperkasakan pengurusan kebun komuniti dengan ilmu pertanian moden dan lestari, termasuk teknik penanaman yang lebih sistematik, cekap, dan mesra alam. Selain itu, peserta juga didedahkan kepada pensijilan MyGAP (Malaysian Good Agricultural Practices) bagi memastikan hasil tanaman yang diusahakan memenuhi piawaian keselamatan makanan dan berkualiti tinggi.

Sepanjang sesi latihan, para peserta menerima bimbingan secara langsung daripada pakar pertanian mengenai pelbagai aspek seperti

penggunaan baja organik, kawalan perosak secara semula jadi, sistem pengairan cekap, serta kaedah pertanian bandar yang sesuai bagi kawasan bertanah terhad. Ini sekaligus memberi peluang kepada mereka untuk mengaplikasikan teknik baharu dalam menguruskan kebun komuniti masing-masing dengan lebih berkesan.

Penganjuran kursus ini mencerminkan komitmen berterusan MBSJ dalam menyokong pembangunan Bandar Hijau, yang bukan sahaja menekankan kelestarian alam sekitar tetapi juga menggalakkan keterlibatan komuniti dalam pertanian bandar. Inisiatif ini juga sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang bertujuan untuk mewujudkan persekitaran lebih hijau, produktif, dan lestari bagi komuniti bandar.

Dengan pendedahan ilmu serta amalan terbaik yang diperoleh melalui kursus ini, diharapkan kebun komuniti di bawah MBSJ dapat berkembang dengan lebih baik dan memberikan manfaat kepada penduduk setempat.



CABUTAN UNDI BAZAR RAMADAN MBSJ: TELUS, ADIL & SISTEMATIK!



MBSJ telah menganjurkan Sesi Cabutan Undi Petak Bazar Ramadan 2025/1446H pada 16 dan 17 Januari 2025 bertempat di Bilik Tetamu, Aras 2, Ibu Pejabat MBSJ.

Sebanyak 21 lokasi bazar Ramadan disediakan pada tahun ini, dengan 1,111 permohonan diterima daripada para peniaga. Bagaimanapun, hanya 14 lokasi bazar sahaja yang terlibat dalam sesi cabutan undi kali ini.

Proses cabutan undi dijalankan secara telus dengan penglibatan lima Ahli Majlis MBSJ serta panel pemerhati dari Unit Integriti MBSJ mengikut kategori jualan. Langkah ini bukan sahaja memastikan pengagihan petak niaga



dilakukan secara adil tetapi juga mencerminkan komitmen MBSJ dalam menguruskan bazar Ramadan secara teratur dan sistematik.

Bazar Ramadan MBSJ dijangka menjadi platform perniagaan yang lebih teratur, memberi manfaat kepada para peniaga serta pengunjung yang ingin mendapatkan juadah berbuka puasa dalam suasana yang selesa dan tersusun.



KARNIVAL & TAKLIMAT BAZAR RAMADAN MBSJ 2025 MERIAH, PERSIAPAN RAPI MENJELANG RAMADAN



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah menganjurkan Majlis Perasmian Karnival dan Taklimat Bazar Ramadan MBSJ 2025 yang berlangsung di Dewan Serbaguna MBSJ, Puchong Indah pada 13 Februari 2025.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri Selangor, bersama YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ.

Turut hadir bagi memeriahkan majlis ialah YB Tuan Abbas Salimi bin Che Adzmi @ Azmi, ADN Seri Serdang serta Encik Zahid

Ahmad Zawawi, Ketua Pegawai Operasi (COO) Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank). Kehadiran rakan sinergi serta para peniaga bazar Ramadan turut menyeronokkan lagi acara ini.

Program pada kali ini diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada para peniaga mengenai syarat serta prosedur operasi standard (SOP) yang perlu dipatuhi bagi memastikan kelancaran dan keselamatan bazar sepanjang bulan Ramadan.

Dalam program yang sama, turut diadakan upacara penyampaian sijil penghargaan

kepada rakan sinergi serta lawatan ke reruai jualan.

Sebagai makluman, bagi tahun 2025, MBSJ telah menyediakan 21 lokasi bazar Ramadan dengan sejumlah 1,367 petak niaga yang menawarkan pelbagai juadah kepada orang ramai. Pada tahun ini, terdapat 6 lokasi bazar disediakan untuk kawasan Subang Jaya, 2 lokasi bazar di kawasan Kinrara, 7 lokasi terletak di Puchong, Putra Heights 1 lokasi bazar manakala kawasan Serdang/ Seri Kembangan sebanyak lima lokasi bazar.

TRANSFORMASI RAMADAN DI PUNCAK JALIL: BAZAR LEBIH DIGITAL, HIJAU & TERATUR



Pada 6 Mac 2025 yang lalu, YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ bersama YB Tuan Ng Sze Han, Exco Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Selangor merangkap Ahli Dewan Negeri Kinrara telah meluangkan masa menghadiri Program 'Walkabout' Bazar Ramadan MBSJ 2025 Puncak Jalil 3/10, Seri Kembangan.



Semasa program berlangsung, Datuk Bandar MBSJ bersama YB EXCO telah berkesempatan menyantuni para peniaga serta berkesempatan mengedarkan kurma kepada pengunjung yang hadir ke bazar tersebut. Turut serta YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, Ahli Majlis serta pegawai MBSJ.

Dalam majlis yang sama, turut diadakan Majlis Perasmian Tapak Penjaja Puncak Jalil 3/10. Sebagai makluman, ini bakal menempatkan 60 petak niaga bersaiz 10' x 10'. Kawasan ini disediakan khusus untuk penjaja yang sebelum ini berniaga tanpa permit di sekitar PUJ 3, Taman Puncak Jalil dan ianya dijadualkan mula beroperasi pada April 2025.

Dengan adanya tapak niaga yang lebih tersusun, bukan sahaja penjaja dapat berniaga secara sah, tetapi ekonomi setempat juga dapat berkembang dalam persekitaran perniagaan yang lebih mampan.



1000 HADIRI IFTAR PERDANA ANJURAN MASJID AL-FALAH DENGAN KERJASAMA MBSJ



Seramai hampir 1,000 orang terdiri daripada jemaah masjid, kakitangan MBSJ, Pengurusan Kanan Ibu Pejabat Polis Subang Jaya serta Pengurusan Kanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Subang Jaya telah membanjiri Masjid Al-Falah USJ 9, Subang Jaya untuk turut serta dalam Majlis Iftar Perdana Anjuran Bersama Masjid Al-Falah dan MBSJ pada 13 Mac 2025 yang lalu.

Selain majlis terbuka, turut diadakan acara solat tarawih serta penyampaian sumbangan kepada 20 keluarga miskin, Orang Kelainan Upaya (OKU) serta muafak yang telah disampaikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan

Datuk Bandar MBSJ, YBhg. Datuk Seri Mohamed Faroz, Pengarah Urusan Jakel serta YBhg. Tan Sri Syed Zainal Abidin, Nazir Masjid Al-Falah, Subang Jaya.

Kesemua sumbangan dalam bentuk duit dan barangan keperluan asas ini adalah hasil sumbangan daripada pihak Jakel, yang menunjukkan komitmen mereka dalam membantu golongan yang memerlukan sempena bulan Ramadan yang mulia ini.

Adalah diharapkan bantuan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban serta mengeratkan lagi hubungan semua yang hadir ke majlis tersebut.



KEHANGATAN RAMADAN: BUBUR LAMBUK MAGGI RAIKAN WARGA KERJA MBSJ



Ramadan bukan sekadar bulan ibadah, tetapi juga waktu yang penuh dengan kasih sayang, keikhlasan, dan semangat berkongsi rezeki. Dalam menyemarakkan semangat ini, Nestlé dengan kerjasama Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah menyantuni warga kerja MBSJ dengan sumbangan bubur lambuk MAGGI sebagai tanda penghargaan dan sokongan sepanjang bulan yang mulia ini.

Majlis yang berlangsung pada 6 Mac 2025 bertempat di Lobi, Ibu Pejabat MBSJ ini turut dihadiri oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ yang juga berkesempatan menyampaikan bubur lambuk tersebut kepada warga kerja MBSJ.



MBSJ merakamkan penghargaan kepada pihak Nestlé atas sumbangan yang begitu istimewa ini. Semoga semangat memberi dan berkongsi terus menyinari Ramadan kali ini dan menginspirasi lebih banyak kebaikan dalam komuniti kita.



ZIARAH KASIH RAMADAN: MENYANTUNI & MEMBAWA SENYUMAN DI BULAN MULIA



Bertempat di Kompleks Membeli-Belah Summit USJ, program ini berlangsung dengan kehadiran YB Wong Chen, Ahli Parlimen Subang, bersama Timbalan Datuk Bandar MBSJ, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali serta Ahli Majlis MBSJ Zon 3, Encik Chia Yew Ken. Turut bersama dalam usaha murni ini ialah Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ Zon 3, Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) dan Mydin Mohamed Holdings Berhad.

Sebanyak 25 keluarga menerima sumbangan wang tunai daripada MBSJ serta bakul makanan yang diharapkan dapat meringankan beban menjelang

Syawal. Melihat senyuman di wajah penerima, jelas bahawa bantuan ini bukan sekadar mengisi keperluan harian, tetapi juga memberi sinar harapan kepada mereka.

Selain itu, edaran bubur lambuk turut diadakan sebagai simbolik kebersamaan dan semangat Ramadan yang dikongsi bersama warga bandar raya. Suasana penuh kemesraan mewarnai program ini, membuktikan bahawa sekecil mana pun sumbangan, ia mampu membawa kegembiraan yang besar kepada mereka yang memerlukan.

Semoga inisiatif sebegini terus menjadi tradisi, menzahirkan kepedulian masyarakat dan memastikan tiada yang tersisih dalam merayakan keberkatan bulan suci ini.



REVOLUSI HIJAU SEKOLAH MBSJ: USAHA BERANI KE ARAH KELESTARIAN



Majlis Bandaraya Subang Jaya terus mengorak langkah dalam usaha melestarikan alam sekitar dengan melancarkan Program Alam Sekitar dan Kitar Semula Sekolah MBSJ 2025. Acara ini berlangsung dengan meriah di Dewan Serbaguna MBSJ USJ 7, Subang Jaya dengan menghimpunkan pelbagai pihak yang berkongsi visi ke arah bandar raya yang lebih hijau dan lestari.

Program ini dirancang bagi memberi pendedahan kepada pelajar dan warga sekolah mengenai kepentingan kitar semula serta inisiatif alam sekitar yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2025. Sebagai inspirasi kepada peserta, pemenang Pertandingan Kitar Semula Sekolah 2024, iaitu SJKC Serdang Baru 2 dan SMK USJ 13, turut berkongsi pengalaman serta kejayaan mereka dalam menerapkan budaya kitar semula di sekolah masing-masing.



Majlis ini turut disemarakkan dengan reruai pameran daripada rakan strategik seperti Fraser & Neave Holding Berhad (F&N), Tetra Pak Malaysia, RP Gilang Resources Sdn. Bhd, Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Secret Recipe. Kehadiran pelbagai pihak ini membuktikan sokongan padu terhadap usaha MBSJ dalam meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai tanggungjawab menjaga alam sekitar.

Dengan semangat "MBSJ Gemilang Bersama," MBSJ terus komited dalam membentuk generasi yang lebih cakna terhadap kelestarian alam. Usaha ini diharapkan dapat memperkukuh budaya kitar semula dan menjadikan Subang Jaya contoh bandar hijau yang mampan di Malaysia.

DARI TANAH TERBIAR KE TAMAN KEHIDUPAN: MBSJ BUKA RUANG HIJAU UNTUK KOMUNITI



Sebuah tanah rizab kerajaan yang dahulunya terbiar kini bakal berubah wajah menjadi ruang hijau yang memberi manfaat kepada komuniti. Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menerusi inisiatif kelestariannya telah melaksanakan Operasi Bersepadu bagi membersihkan tanah seluas 7,717 meter persegi di Pekan Puchong Perdana, Daerah Petaling pada 6 Mac 2025.

Dalam operasi ini, struktur-struktur yang dibina tanpa kebenaran telah dirobohkan bagi memberi laluan kepada perancangan yang lebih mampan. Tanah yang sebelum ini tidak digunakan secara sah kini akan dihidupkan semula sebagai Kebun Komuniti MBSJ, sebuah inisiatif yang bertujuan untuk mewujudkan kawasan hijau yang bukan sahaja mencantikkan persekitaran

tetapi juga berfungsi sebagai tempat untuk komuniti berkumpul, berkebun, dan mengeratkan hubungan keiranan. Dengan adanya kebun ini, penduduk setempat akan dapat menjalankan aktiviti pertanian bandar secara kecil-kecilan, menyertai program kesedaran alam sekitar, serta menikmati suasana yang lebih nyaman dan segar di tengah-tengah kesibukan bandar.

Kejayaan operasi ini tidak akan tercapai tanpa kerjasama erat antara pelbagai jabatan dalam MBSJ, termasuk Jabatan Landskap, Jabatan Bangunan, Jabatan Perancangan Bandar, Jabatan Penguatkuasa, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta serta Jabatan Pelesenan. Turut serta dalam usaha ini adalah Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, Tenaga Nasional

Berhad (TNB), Air Selangor, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya dan Balai Polis Bandar Bukit Puchong. Kespadaan antara pihak-pihak ini menjadi bukti bahawa kejayaan sesebuah projek bergantung kepada usaha bersama dan sokongan daripada semua pihak.

Dengan pembangunan Kebun Komuniti ini, MBSJ terus komited dalam memastikan bandar raya ini bukan sahaja berkembang dari sudut infrastruktur tetapi juga dalam aspek kesejahteraan penduduk dan kelestarian alam sekitar. Inisiatif ini bukan sekadar membina landskap yang lebih hijau tetapi turut mencerminkan komitmen dalam menjadikan bandar raya ini lebih mesra alam dan mampan untuk generasi akan datang.



SEMINAR MY-STAR PERKASA PENGURUSAN STRATA **TANGANI** **ISU KACAU GANGGU HAIWAN**



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah menganjurkan Seminar Strata Technique Approach Towards Resilient (My-STAR) pada 22 Februari 2025 bertempat di Dewan Serbaguna USJ 7, Subang Jaya bagi memperkasa pengetahuan Badan Pengurusan Bangunan Berstrata dalam menangani isu kacau ganggu haiwan serta memahami peranan agensi berkaitan dalam perkara ini.

Seminar ini telah dihadiri oleh 79 peserta yang terdiri daripada wakil Badan Pengurusan Bersama

(JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) di bawah pentadbiran MBSJ. Sepanjang seminar, peserta didedahkan dengan pelbagai aspek perundangan dan pengurusan berkaitan isu ini menerusi sesi ceramah yang disampaikan oleh pakar dalam bidang masing-masing.

Sesi pertama membincangkan tajuk Kacau Ganggu Haiwan Di Bawah Akta 757 Serta Prosiding Perundangan, yang telah disampaikan oleh Encik Lai Chee Hoe dari Messrs Chee Hoe & Associates. Sesi kedua pula membahas mengenai Kacau



Ganggu Haiwan Mengikut Undang-Undang Kecil Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) oleh Encik Muhammad Azizul bin Amer, Pegawai Undang-Undang, Jabatan COB MBSJ.

Seterusnya, sesi ketiga menumpukan kepada Pengurusan Kacau Ganggu Haiwan di Kawasan Pemajuan Strata Dan Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan, yang dibentangkan oleh Dr Siti Suhailah binti Mohd Maaroff, Pegawai Veterinar, Jabatan Kesihatan MBSJ. Sesi terakhir pula membincangkan Peranan Jabatan Perhilitan Dalam Isu Kacau Ganggu Haiwan Peliharaan Dan Haiwan Liar di Dalam Kawasan Pemajuan Strata, yang disampaikan oleh Encik Mohd Hazlin Qozek bin Aladdin, Penolong Pegawai Hidupan Liar, Jabatan Perhilitan Selangor.

Adalah diharapkan dengan perkongsian ilmu ini sedikit sebanyak dapat membantu pihak pengurusan dalam menguruskan isu kacau ganggu di kawasan berstrata.



MPP DAN KOMUNITI BERDAYA MBSJ 2025: **PEMERKASAAN PERANAN DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI LEBIH INKLUSIF**



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) terus komited dalam memperkasa kepimpinan komuniti melalui sesi Taklimat Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan Focus Group Discussion Pangsapuri dan Kampung Angkat Komuniti Berdaya MBSJ 2025 yang telah diadakan pada 25 Februari 2025 bertempat di Dewan Kenanga, MBSJ.

Sesi ini menghimpunkan Ahli-ahli Majlis serta wakil daripada setiap zon MPP bagi mendalami peranan dan tanggungjawab mereka dalam membangunkan komuniti yang lebih berdaya saing. Taklimat ini turut memberi pencerahan mengenai garis panduan jabatan yang berkaitan dengan fungsi MPP, sekali gus memperkukuh pemahaman peserta terhadap aspek pentadbiran dan pengurusan komuniti.

Selain sesi taklimat, Focus Group Discussion turut dijalankan bagi membolehkan para peserta berbincang secara langsung mengenai pelbagai inisiatif pembangunan komuniti. Perbincangan ini membuka ruang kepada wakil-wakil MPP untuk berkongsi cabaran, mengemukakan idea serta merangka solusi yang lebih mampan dan inklusif dalam usaha menjadikan Subang Jaya sebagai sebuah bandar yang lebih maju dan sejahtera.



Program ini mencerminkan usaha berterusan MBSJ dalam memperkukuh peranan kepimpinan tempatan serta membina komuniti yang lebih bersatu dan progresif selaras dengan matlamat MBSJ.



MBSJ PERKASA KESEDARAN KESIHATAN: DIDIK KANAK-KANAK & PENGASUH TENTANG KEBERSIHAN!



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) terus komited dalam meningkatkan kesedaran kesihatan dengan menganjurkan sesi taklimat berkaitan penyakit berjangkit serta simulasi basuh tangan kepada pengasuh dan kanak-kanak.

Program ini telah diadakan di tiga lokasi utama, iaitu Taska MBSJ USJ 3C, Tadika PPK 3C Bandar Sunway, dan Taska Kuarters Permata Sari, Kuarters MBSJ Pusat Bandar Puchong pada 13 Februari 2025.

Objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada golongan kanak-kanak dan tenaga pengajar mengenai kepentingan kebersihan serta langkah-langkah pencegahan penyakit berjangkit seperti selesema, tangan-kaki-mulut (HFMD), dan jangkitan lain.

Antara aktiviti menarik yang diadakan termasuk simulasi teknik mencuci tangan dengan betul menggunakan sabun dan air bersih, selain sesi interaktif mengenai cara menjaga kebersihan



diri. Kanak-kanak dilatih secara praktikal agar mereka memahami betapa pentingnya menjaga kebersihan tangan dalam mencegah penularan penyakit.

MBSJ berharap ilmu dan kesedaran yang disampaikan menerusi program ini dapat dimanfaatkan oleh semua peserta dalam menjaga kesihatan diri serta membantu mencegah penyebaran penyakit dalam kalangan komuniti. Dengan langkah proaktif ini, diharapkan bandar raya Subang Jaya akan terus menjadi persekitaran yang sihat, selamat, dan berkualiti untuk semua.



MBSJ ANJUR PROGRAM DERMA DARAH: KOMUNITI BERSATU SELAMATKAN NYAWA!



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Pusat Perubatan Universiti Malaysia (PPUM) telah menganjurkan Program Derma Darah yang berlangsung pada 13 Februari 2025 bertempat di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ. Program ini diadakan bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menderma darah serta membantu menampung keperluan bekalan darah di hospital.

Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada komuniti bandar raya serta warga kerja MBSJ yang tampil sebagai penderma. Keprihatinan mereka membuktikan semangat kesukarelaan yang tinggi dalam membantu mereka yang memerlukan.

MBSJ merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua penderma atas sumbangan ikhlas mereka. Setiap titisan darah yang didermakan mampu menyelamatkan nyawa dan memberi harapan baharu kepada pesakit yang memerlukan. Semoga usaha murni ini terus menjadi amalan dan memberi manfaat kepada masyarakat.



PEKA B40: KOMUNITI LEBIH SIHAT, KEHIDUPAN LEBIH SEJAHTERA



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ Zon 4, Klinik Medik Harmans dan Iltizam Selangor Sihat telah menganjurkan Program Saringan Darah dan Kesihatan (PeKa B40) pada 16 Februari 225 bertempat di Pusat Komuniti MPP Zon 4.

Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran komuniti mengenai kepentingan penjagaan kesihatan serta menyediakan pemeriksaan kesihatan percuma termasuk pemeriksaan tekanan darah, ujian darah, dan ujian kolesterol. Seramai 50 orang terpilih telah berpeluang membuat pemeriksaan kesihatan semasa program berlangsung.

Inisiatif ini memberi peluang kepada golongan B40 untuk menjalani saringan awal kesihatan, sekaligus membantu mengesan sebarang masalah kesihatan pada peringkat awal.

Sambutan yang menggalakkan daripada komuniti setempat mencerminkan kesedaran yang semakin tinggi terhadap kepentingan kesihatan diri. Diharapkan program sebegini dapat diteruskan bagi memastikan kesejahteraan kesihatan masyarakat terus terjaga.



MBSJ GALAK GAYA HIDUP SIHAT DALAM KALANGAN WARGA KERJA



MBSJ terus komited dalam mempromosikan gaya hidup sihat menerusi Program Fitlife & Cabaran Langkah Gaya Hidup Sihat MBSJ 2025 yang berlangsung di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ pada 23 Januari 2025.

Program yang disertai seramai 70 warga kerja MBSJ ini bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kesihatan fizikal dan mental, seiring dengan pelaksanaan Program Langkah Malaysia Sihat anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pelbagai aktiviti menarik dijalankan, termasuk sesi perkongsian tips pemakanan sihat serta latihan kecergasan bagi membantu peserta mencapai indeks jisim badan (BMI) ideal. Inisiatif ini bukan sahaja menggalakkan amalan sihat dalam kalangan kakitangan, malah diharap dapat diterapkan dalam kehidupan seharian mereka.

MBSJ berharap usaha sebegini dapat diteruskan bagi membentuk komuniti kerja yang lebih produktif, sihat dan sejahtera.



MBSJ KONGSI ILMU PENGURUSAN BENCANA MELALUI PENDEKATAN CBDRM



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah dijemput oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk berkongsi amalan terbaik dalam pengurusan bencana di Bengkel Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (Community Based Disaster Risk Management - CBDRM) Daerah Petaling. Bengkel ini berlangsung pada 16 Februari 2025 di Dewan Kenanga, Pejabat Daerah & Tanah Petaling.

Pelaksanaan Pengurusan Bencana MBSJ mendapat perhatian pihak NADMA kerana sejajar dengan pendekatan CBDRM yang ingin diterapkan oleh Kerajaan Pusat. Dalam sesi perkongsian ini, Encik Azfarizal B. Abdul Rashid, Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ, telah memberikan taklimat berkaitan pelaksanaan pengurusan bencana yang menekankan inisiatif

Komuniti Berdaya.

Antara inisiatif yang dibentangkan termasuklah Pembangunan Pelan Strategik Operasi Bantuan Bencana Subang Jaya, Sistem Amaran Awal Aras Air MBSJ dan Program Pemerkasaan Komuniti MBSJ Berdaya Tahan Bencana.

Bengkel ini telah dihadiri oleh Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor, Pejabat Daerah & Tanah Petaling, Ibu Pejabat Polis Daerah, Penghulu Mukim, Ketua Kampung di Daerah Petaling serta Jabatan Audit Negeri Selangor.

Selain itu juga, pada 12 Februari 2025, Encik Azfarizal turut menyampaikan taklimat yang sama dalam Program Rintis Pemerkasaan Komuniti Bersama Rakan NADMA di Markas Pasukan Mencari & Menyelamat Khas Malaysia (SMART), Pulau Meranti, Puchong, Selangor. Program ini menghimpunkan pelbagai Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dalam operasi bantuan bencana banjir di seluruh negara.

Melalui perkongsian ini, MBSJ terus komited dalam memperkukuhkan pengurusan bencana serta memperkasakan komuniti bagi menghadapi sebarang kemungkinan bencana dengan lebih sistematik dan berkesan.



SKUAD PANTAS MBSJ DAN MPKL PERKASA KECEKAPAN OPERASI MENYELAMAT MELALUI LATIHAN SIMULASI



Dalam usaha meningkatkan kesiapsiagaan pasukan penyelamat, Skuad PANTAS Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah mengadakan lawatan kerja dan latihan simulasi bersama Skuad PANTAS Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) pada 27 Februari 2025. Program ini berlangsung di Ibu Pejabat MPKL sebelum diteruskan ke Tasik Bandar Saujana Putra bagi latihan simulasi bencana.

Lawatan kerja ini diketuai oleh En. Azfarizal bin Abdul Rashid, Timbalan Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ, bersama 21 anggota Skuad PANTAS MBSJ. Delegasi disambut mesra oleh YBrs. Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua MPKL bersama YBrs. Tuan Khairul-Azam bin Saroni, Timbalan Yang Dipertua MPKL serta Tuan Ts. Hj. Mazlan bin Abdul Manap, Ketua Unit Pantas MPKL.

Seramai 34 anggota keseluruhan dari kedua-dua pasukan penyelamat telah menyertai Latihan Simulasi Bencana yang dikendalikan oleh Skuad Pantas MPKL. Simulasi ini bertujuan menguji kecekapan anggota

dalam mengendalikan bot serta melaksanakan operasi menyelamat di air. Selain itu juga, para peserta yang terlibat turut mengikuti sesi latihan amal bagi pengendalian bot dan operasi menyelamat di air bagi memastikan aset penyelamat berada dalam keadaan baik serta memberikan gambaran realistik mengenai situasi bencana sebenar.

MBSJ merakamkan penghargaan kepada MPKL atas kesudian menjadi tuan rumah bagi program ini. Diharapkan latihan berterusan seperti ini dapat memperkasakan kecekapan pasukan penyelamat dan memastikan kesediaan mereka dalam menghadapi sebarang kecemasan demi keselamatan serta kesejahteraan masyarakat.



MBSJ BERTINDAK SEGERA TANGANI INSIDEN POKOK TUMBANG AKIBAT RIBUT



Tindakan segera yang diambil Pasukan PANTAS MBSJ berjaya menguraikan kesesakan lalu lintas akibat insiden pokok tumbang disebabkan ribut yang melanda di beberapa tempat di pentadbiran MBSJ pada 9 Mac 2025 yang lalu.

Di antara lokasi yang terkesan dengan kejadian ribut ini adalah di kawasan SS18, SS19, SS14, USJ2, USJ4, Tropicana Metropark, Jalan Besar NPE (SS18), Persiaran Bandar (Hutan Bandar USJ3), Jalan Pinggiran USJ1/17 serta Jalan SS17/2L, Subang Jaya.

Pasukan PANTAS MBSJ telah bertungkus-lumus memcurahkan seluruh tenaga mereka bagi melaksanakan kerja-kerja pemotongan serta pengalihan pokok bagi memastikan keselamatan penduduk setempat.

Syabas diucapkan kepada anggota terlibat dan MBSJ juga ingin mengingatkan orang awam agar sentiasa berwaspada, terutamanya dalam keadaan cuaca yang tidak menentu.

Jika berlaku sebarang kejadian kecemasan seperti pokok tumbang atau insiden berkaitan bencana, orang ramai boleh segera menghubungi Pusat Kawalan & Panggilan (Command Center) MBSJ di talian 03-8024 7700 untuk melaporkan kejadian tersebut.



USAHA PEMULIHAN SEGERA OLEH PASUKAN PANTAS



Indah, Jalan PU 7/2 Pusat Bandar Puchong Utama, serta Jalan Mawar, Kampung Pasir PKNS Batu 13.

MBSJ menyeru orang awam yang menghadapi sebarang kecemasan berkaitan bencana untuk menghubungi Pusat Kawalan & Panggilan (Command Center) MBSJ di talian 03-8024 7700 bagi tindakan segera. Keprihatinan dan kerjasama masyarakat amat penting dalam memastikan keselamatan dan kelancaran usaha pemulihan dilaksanakan.



Hujan lebat dan angin kencang yang melanda pada 22 Februari 2025 telah menyebabkan beberapa kejadian pokok tumbang di sekitar kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) yang telah menghalang lalu lintas serta merosakkan harta benda termasuk kenderaan.

Pusat Operasi Pantas MBSJ telah menerima laporan kejadian ini dan dengan segera mengerahkan Pasukan PANTAS MBSJ untuk melaksanakan kerja-kerja pemulihan di lokasi terjejas.

Antara kawasan yang terlibat ialah SS 19/2 dan SS 19/4 Subang Jaya, Jalan BPU 1 Puchong Perdana, Jalan Prima 2/1 Puchong, Pangsapuri Seroja Puchong



OPERASI BERSEPADU: MBSJ DAN IMIGRESEN GEMPUR PENIAGA WARGA ASING DI BAZAR RAMADAN



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah melaksanakan Operasi Bersepadu pada 7 Mac 2025 di beberapa lokasi bazar Ramadan sekitar kawasan pentadbiran MBSJ. Matlamat utama operasi ini adalah memastikan pematuhan syarat-syarat Permit Bazar Ramadan, khususnya larangan ke atas warga asing daripada menjalankan perniagaan atau bekerja sebagai pembantu.

Dalam operasi ini, seramai 13 individu telah ditahan selepas didapati melanggar peraturan. Kesemua mereka telah dibawa ke Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia untuk tindakan lanjut. Langkah tegas ini diambil bagi memastikan bazar Ramadan terus menjadi platform perniagaan yang sah dan kompetitif buat para peniaga tempatan.

MBSJ menegaskan bahawa pemantauan akan terus diperketatkan, dan tindakan sewajarnya akan dikenakan terhadap mana-mana pihak yang tidak mematuhi peraturan. Peniaga juga diingatkan agar tidak menggaji pekerja asing atau membenarkan mereka berniaga bagi mengelakkan sebarang tindakan undang-undang.

Dengan usaha penguatkuasaan yang berterusan ini, MBSJ berharap agar bazar Ramadan dalam kawasan pentadbirannya kekal sebagai persekitaran yang adil, selamat, dan terkawal untuk semua—memberikan jaminan kepada peniaga tempatan dan pengalaman membeli-belah yang lebih teratur buat pengunjung.



MBSJ GEMPUR PENJAJA TANPA LESEN DI HADAPAN SEKOLAH, PERALATAN DAN BARANGAN DISITA



Sehubungan dengan itu, operasi penguatkuasaan telah dijalankan pada 24 Februari 2025 di sekitar Sekolah Kebangsaan Seksyen 1, Bandar Kinrara, Puchong.

Hasil pemeriksaan mendapati penjaja berkenaan menjual makanan ringan dan snek tanpa kebenaran yang sah daripada MBSJ. Bertindak atas kesalahan tersebut, MBSJ telah mengeluarkan Notis Tawaran Kompau (NTK) serta Notis Sitaan ke atas penjaja terbabit. Semua barangan jualan dan peralatan perniagaan turut disita serta-merta.

Tindakan ini selaras dengan usaha MBSJ untuk mengawal aktiviti perniagaan yang tidak berlesen, terutamanya di kawasan sekolah, bagi menjamin keselamatan serta kebersihan persekitaran pelajar. Penjualan makanan tanpa pemantauan juga boleh menimbulkan risiko kesihatan kepada kanak-kanak, justeru penguatkuasaan ini dilakukan demi kepentingan bersama.

MBSJ menyeru orang awam agar terus menyalurkan aduan berkenaan aktiviti perniagaan haram atau pelanggaran peraturan kepada MBSJ di talian 03-80247700.





HTKSJ 2025

GEGAR ZON SERDANG:

LEBIH MERIAH, LEBIH HIJAU!



Program Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya (HTKSJ) 2025 telah berlangsung dengan penuh kemeriahan pada 8 Februari 2025 bertempat di Taman Tasik Sri Serdang, Seri Kembangan, Selangor menandakan lembaran baharu dalam usaha menjadikan bandar raya lebih mampan dan rendah karbon.

Dengan kehadiran lebih 1,000 peserta, acara kali ini bukan sahaja memperkenalkan lokasi baharu tetapi juga menampilkan pelbagai aktiviti menarik yang menyatukan komuniti setempat.

Majlis pelepasan Larian Santai 5km (Fun Run) dan Kayuhan Santai 15km (Fun Ride) telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ bersama YB Tuan Abbas Salimi bin Che Adzmi @ Azmi, ADN Seri Serdang. Turut hadir memeriahkan acara ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, YBhg. Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan bin Sabdullah,

Naib Canselor UPM serta wakil-wakil agensi kerajaan dan ahli-ahli majlis.

Acara dimulakan dengan aktiviti senamrobek sebelum peserta beramai-ramai menyertai aktiviti utama iaitu acara larian dan kayuhan santai. Selain itu, kolaborasi istimewa antara MBSJ dan Universiti Putra Malaysia (UPM) turut membawakan aktiviti sampingan yang menarik seperti fiesta sarapan pagi, pemeriksaan kesihatan percuma, Eco Free Market, Sukan Rakyat Tradisional, serta Explorace "Kenali & Musnah Denggi." Para pengunjung juga berpeluang menyaksikan demonstrasi Helikopter (Kawalan Jauh), Demonstrasi Cegah Jenayah menggunakan Anjing Pengesanan K9 oleh pihak PDRM serta demonstrasi pemadaman kebakaran oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Dalam majlis yang sama, turut diadakan Majlis Perasmian Medan Selera MBSJ Taman Tasik Sri Serdang yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ. Medan selera ini, yang siap sepenuhnya pada 4 Februari 2025, mempunyai 10 unit gerai serta pelbagai kemudahan awam seperti tandas, surau, tempat letak kenderaan, dan rumah sampah bagi keselesaan peniaga serta pengunjung.





PENGURUSAN TERTINGGI SUNTIK SEMANGAT! KNIGHTS BERSEDIA GEMPUR!



Pengurusan Tertinggi Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengadakan sesi perjumpaan bersama Kelab Ragbi MBSJ sempena pelancaran jersi rasmi MBSJ Knights pada 25 Januari 2025 bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Pada sesi tersebut, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, turut meluangkan masa bertemu dengan barisan pemain, memberikan kata-kata semangat, serta mendoakan kejayaan pasukan dalam perlawanan akan datang.

Mengangkat semangat 'Sukan Menyatukan Semua', inisiatif ini diharapkan dapat mengukuhkan lagi sokongan terhadap sukan ragbi di Subang Jaya serta melahirkan bakat baharu dalam arena sukan tempatan.



MBSJ FC & HONG KONG BERENTAP DALAM AKSI FUTSAL PERSAHABATAN



Perlawanan Persahabatan Antarabangsa Futsal Wanita antara MBSJ FC dan pasukan Hong Kong China Women Futsal Team berlangsung dengan penuh semangat di Sportizza Batu 3, Shah Alam pada 10 Januari 2025.

Aksi lincah dan bertenaga dipamerkan oleh kedua-dua pasukan, memperlihatkan kecekapan taktikal serta keazaman tinggi dalam setiap gerakan. Lebih daripada sekadar perlawanan, pertemuan ini menjadi platform memperkukuh hubungan antarabangsa dalam arena sukan futsal wanita.

Tahniah kepada semua pemain atas semangat kesukanan yang luar biasa! Semoga perlawanan seperti ini terus menjadi dorongan kepada pembangunan sukan wanita ke peringkat lebih tinggi.



SUBANG JAYA HALF MARATHON 2025: 15 PENAJA UTAMA BERSAMA MENJAYAKAN ACARA BERPRESTIJ!



Satu Majlis Penyampaian Tajaan dan Sidang Media bagi 'Subang Jaya Half Marathon 2025' telah berlangsung pada 6 Februari 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Turut serta Encik Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk memperkenalkan 15 penaja utama yang telah berkolaborasi dengan MBSJ dalam menjayakan acara larian berprestij ini. Dengan penajaan yang telah diterima, Subang Jaya Half Marathon 2025 pastinya akan menjadi satu acara sukan bertaraf tinggi yang bukan sahaja mencetuskan semangat kesukanan malah memberikan satu pengalaman yang berbeza kepada peserta yang terlibat.

Subang Jaya Half Marathon 2025 akan berlangsung pada 23 Februari 2025 (Ahad) di Kompleks Membeli-Belah Subang Parade, SS16, Subang Jaya. Program ini telah dianjurkan oleh Puncak Ventures SRA Sdn Bhd dan Persatuan

Olahraga Para Selangor dengan kerjasama MBSJ.

Selain acara larian, pelbagai aktiviti sampingan turut dirancang bagi memeriahkan suasana, termasuk pemeriksaan kesihatan secara percuma, permainan sukan rakyat tradisional, sesi senamrobik serta cabutan bertuah dengan hadiah menarik untuk peserta yang hadir.

Dengan sokongan hebat daripada pelbagai pihak, Subang Jaya Half Marathon 2025 pastinya menjadi acara sukan yang luar biasa, di samping menggalakkan gaya hidup sihat serta mengeratkan semangat kekitaan dalam komuniti setempat.



SUBANG JAYA HALF MARATHON 2025 TARIK LEBIH 3,000 PESERTA MERIAHKAN LARIAN



Majlis pelepasan peserta telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, bersama Encik Zainudin bin Lot, Pengarah Puncak Ventures SRA Sdn Bhd, serta Capt. G. Mohan, Setiausaha Kehormat Persatuan Olahraga Para Selangor. Turut hadir memeriahkan acara adalah Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan MBSJ.

Lebih istimewa, Timbalan Datuk Bandar MBSJ sendiri turut menyertai larian, memberi inspirasi kepada para peserta untuk terus berusaha mencapai garis penamat. Kejohanan ini bukan sahaja menggalakkan gaya hidup sihat tetapi juga mengeratkan hubungan dalam komuniti melalui sukan.

Dalam program yang sama juga, turut diadakan pelbagai aktiviti sampingan bagi memeriahkan suasana, termasuk pemeriksaan kesihatan secara percuma, permainan sukan rakyat tradisional, sesi senamrobik serta cabutan bertuah dengan hadiah menarik untuk peserta yang hadir.

Subang Jaya Half Marathon 2025 telah berlangsung dengan penuh semangat serta keterujaan apabila lebih 3,000 peserta dari pelbagai kategori, termasuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU), menyertai acara ini.

Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah menganjur program ini pada 23 Februari 2025 bertempat di Kompleks Membeli-Belah Subang Parade, SS16, Subang Jaya dan ianya berjaya dilaksanakan hasil kolaborasi strategik bersama Puncak Ventures SRA Sdn Bhd dan Persatuan Olahraga Para Selangor.





PICKLEBALL ERATKAN UKHUWAH ANTARA MBSJ DAN BANK ISLAM MALAYSIA



Dewan Serbaguna MBSJ Putra Heights Seksyen 10 (Camelia) menjadi saksi kepada Perlawanan Persahabatan Pickleball antara Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang berlangsung dalam suasana penuh semangat kesukanan pada 13 Februari 2025 yang lalu.

Turut menyertai perlawanan ini ialah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ, yang telah beraksi bersama pasukan MBSJ, manakala pasukan BIMB diwakili oleh YBhg. Dato' Mohd Muazzam Mohamed, Chief Executive Officer BIMB.

Perlawanan ini bukan sahaja memperkukuhkan gaya hidup sihat, malah turut menjadi platform untuk mengukuhkan jalinan kerjasama antara MBSJ dan BIMB melalui sukan pickleball yang semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat.

Tahniah dan syabas kepada semua peserta atas komitmen dan semangat kesukanan yang tinggi. Semoga aktiviti seperti ini terus menjadi pemangkin kepada perpaduan dan keharmonian antara organisasi.



KARNIVAL SUKAN RAKYAT ZON 9 MBSJ MERIAH, ERATKAN PERPADUAN KOMUNITI



Karnival Sukan Rakyat MPP Zon 9 MBSJ berlangsung dengan penyertaan aktif komuniti setempat pada 12 Januari 2025 bertempat di Padang Awam, Taman Seri Puchong.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YB Tuan Ng Sze Han, EXCO Pelaburan, Perdagangan & Mobiliti merangkap Ahli Dewan Negeri Kinrara. Turut bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir, Encik Thomas Low Yew Sin, Ahli Majlis MBSJ Zon 9.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang karnival ini berlangsung seperti pertandingan sukan karom, boling kelapa serta pertandingan mewarna untuk kanak-kanak yang mendapat sambutan hangat daripada peserta.

Program anjuran Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) ini bertujuan mengeratkan hubungan serta memupuk semangat perpaduan dalam kalangan komuniti selain menggalakkan gaya hidup sihat melalui aktiviti sukan tradisional.





MALAYSIA
MADANI

KITA SELANGOR




visit
Selangor
2025 Malaysia



Ikuti MEDIA SOSIAL RASMI MBSJ



Sila Imbas KOD QR



HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.



Majlis Bandaraya Subang Jaya



sjcitycouncil

www.mbsj.gov.my